

BAB II

SEJARAH KEMUNCULAN AJARAN SESAT DI DALAM ISLAM

2.1-SEJARAH KEMUNCULAN AJARAN SESAT

2.1.1-Bibit kelemahan ‘aqidah umat Islam.

Selepas kewafatan baginda s.a.w., maka bermulalah era baru dalam siri kepimpinan awal Islam. Abu Bakar as-Siddiq telah diangkat sebagai khalifah pertama. Di zamannya mulai lahir penentangan-penentangan terhadap ‘aqidah dan sistem Islam. Ada di antara kabilah yang enggan mengeluarkan zakat. Zakat yang merupakan salah satu rukun Islam itu dianggapnya sebagai ‘pajakan’ yang tidak sepatutnya dibayar lagi setelah Rasulullah s.a.w. wafat. Bahkan ianya dianggap sebagai bayaran yang boleh merendahkan martabat kabilah mereka.¹

Terdapat dari kalangan mereka yang sudah sekian lama menaruh dendam terhadap Rasulullah s.a.w.. Ada juga yang mengambil langkah nekad untuk kembali kepada kekafiran dan murtad. Mereka beranggapan bahawa Islam telah berakhir. Khalifah Abu Bakar terpaksa berusaha keras dalam masa beberapa tahun untuk menenangkan semula keadaan ini.²

¹ Ahmad Amin, *Islam Dari Masa ke Masa*, terjemahan Abu Laila dan Mohammad Tohir, CV Rosda, Bandung, 1987, hal: 84

² Prof. T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy, *Sejarah Perkembangan Hadith*, Bulan Bintang, Djakarta, 1973, hal: 43

Peristiwa Riddah di zaman Abu Bakar:³

Setelah kewafatan Nabi Muhammad s.a.w., muncul lebih ramai nabi-nabi palsu dan kaum yang murtad. Mereka cuba mengambil kesempatan ini untuk menggugat kekuasaan kerajaan Islam Madinah. Antara tokoh-tokoh *ar-riddah* yang terlibat dalam penentangan terhadap khalifah Abu Bakar ialah Tulaihah bin Khuwailid, Sajah dan Musailamah al-Kadhdhab.⁴ Ketiga-tiga mereka ini mengaku menjadi nabi. Ianya merebak sehingga ke seluruh semenanjung Tanah Arab. Setiap kabilah Arab telah murtad samada secara keseluruhannya mahu pun sebahagian darinya, kecuali orang Quraisy dan suku Thaqif.⁵

³ Golongan ini telah memulakan gerakan menjatuhkan Islam dan menghasut kaum masing-masing memusuhi Islam dan menentang Nabi sebelum wafat lagi. Akhirnya gerakan ini timbul di akhir hayat baginda s.a.w. dan menjadi lebih serius lagi selepas kewafatan baginda s.a.w. (Dlm. *Sejarah Islam*, Mahayuddin Hj. Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, Fajar Bakti, Cetakan kelima, Shah Alam, 1993, hal: 113).

⁴ *Tulaihah bin Khuwailid al-Asadi*:

Berasal dari suku Asad (Timur Lauh Hijaz). Sukunya telah berpecah dua, iaitu yang menyokongnya dan yang berpegang dengan Islam. Mula bergerak menentang Islam sejak tahun 3 H/625 M bersama saudaranya Salamah. Beliau cuba beberapa kali untuk menyerang Islam tetapi gagal pada 9 H/631 M dan telah memeluk Islam. Pada tahun 11 H/633 M beliau dan rakan-rakan telah murtad dan memberontak di Samira. Pada masa itu beliau mula mengaku sebagai nabi. Mereka telah dikalahkan oleh tentera Khalid bin al-Walid pada Rejab 11 H. Beliau dan isteri sempat melarikan diri ke Syam dan memeluk Islam semula di sana. Beliau telah bergiat cergas membantu Islam di zaman Umar walau pun tanpa sebarang jawatan yang diberikan.

Sajah binti al-Harith:

Dikenali sebagai Ummu Sadir. Suku ibu bapanya beragama Kristian begitu juga dengan Sajah. Beliau merupakan seorang ahli muijum dan antara nabi palsu di zaman Abu Bakar. Beliau telah bergabung dengan tentera Musailamah. Menurut setengah riwayat, Sajah telah berkawwin dengan Musailamah. Menurut Ibnu Kalbi, Sajah telah memeluk Islam dan meninggal di kota Basrah pada zaman Bani Umayyah.

Musailamah al-Kadhdhab:

"Al-Kadhdhab" bererti pembobong. Beliau telah mengaku sebagai nabi dan memberontak di zaman Abu Bakar. Berasal dari suku Hanifah. Beliau enggan memeluk Islam kerana tidak mahu mentaati nabi. Lalu mengaku dirinya sebagai nabi pada tahun 10 H/632 M. Ajaran merupakan hasil ciplak dari ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Beliau juga telah mendirikan kawasan haram yang kuat di Yamamah dengan sokongan penduduk setempat walau pun mereka tahu bahawa Musailamah menipu mereka. Abu Bakar telah menghantar tentera Ikrimah bin Abu Jahal untuk memerangi mereka tetapi telah ditewaskan oleh Musailamah. Akhirnya Abu Bakar telah menghantar tentera yang dipimpin oleh Khalid al-Wali untuk memerangi mereka. Suku Hanifah telah tewas dan mereka memeluk Islam. (Dlm. *Sejarah Islam*, Mahayuddin Hj. Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, hal: 141-145).

⁵ Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Jld. I, (ed), M J de Goeje et. Al. Lieden, 1879-1901, hal: 1871

Setelah kewafatan Khalifah Abu Bakar, naiklah ⁶Umar Ibnu al-Khattab sebagai khalifah seterusnya. Beliau meneruskan usaha menjaga al-Quran dari sebarang penyelewengan dan mewujudkan dasar-dasar serta peraturan bagi memelihara kesahihan hadith yang sentiada diancam. Berbagai usaha pengajian dan pengajaran telah dilaksanakan di zaman ⁶Umar demi penyebaran dan pemeliharaan ⁶aqidah Islāmiyyah. Setelah ⁶Umar Ibnu al-Khattab, ⁶Uthman Ibnu al-⁶Affan mengambil alih tugas khalifah bagi mengawal dan memperluaskan lagi kekuasaan Islam. Walau bagaimana pun, beliau telah dikritik hebat kerana dituduh mengutamakan kaum kerabatnya bagi menjawat jawatan-jawatan penting dalam pemerintahan beliau. Pertelingkahan itu akhirnya membawa kepada penentangan terbuka dan khalifah ⁶Uthman telah dibunuh.

Apabila masyarakat Islam mula mengangkat ⁶Ali k.w. Syam yang berada di bawah kekuasaan Mu⁶awiyah telah mengerahkan rakyat jelatanya bangkit menuntut bela di atas kematian Saidina Uthman dan mereka enggan membai⁶ah Saidina ⁶Ali k.w. Krisis ini telah membawa kepada beberapa perang antara Ali dan Muawiyah. Perang *Siffin*⁶ telah menyeret ⁶Ali ke *Majlis Tahkim* yang penuh dengan muslihat.⁷

Mulai peristiwa itulah umat Islam telah berpecah kepada beberapa golongan dan puak, iaitu;

⁶ Bala tentera Ali seramai 90,000 orang telah bertempur dengan bala tentera Muawiyah seramai 80,000 orang. Sebelum bertempur dengan hebat, mereka berbincang dengan berutus surat antara satu sama lain secara panjang lebar. Hasil awalnya, kedua-dua pihak bersetuju untuk berdamai (Akhir Muharram tahun 37 H). Perdamaian tersebut tidak berpanjangan, pertempuran tercetus juga akhirnya pada Safar 37 H, akhirnya membawa kepada peristiwa *Tahkim* pada bulan Ramadhan tahun 37 H.

⁷ T.M. Hasbi, *op.cit*, hal.43

1. Golongan Khawarij. Mereka menyalahkan ⁶Ali dan menuduh sesiapa yang menerima *Tahkim* sebagai kafir. Oleh yang demikianlah mereka mengatakan ⁶Ali dan para pengikutnya telah terkeluar dari Islam.
2. Golongan Syi⁷ah. Mereka setia kepada ⁶Ali dan menerima *Tahkim*. Meereka mempunyai pendirian sendiri dalam masalah *imamah*.
3. Golongan Jumhūr. Golongan yang tidak menyebelahi ⁶Ali dan tidak pula menyebelahi Khawarij. Hanya segelintir dari mereka yang mengikuti ⁶Ali dan segelintir mengikuti Mu⁸awiyah, manakala yang lainnya mengambil sikap berkecuali.⁸

Perpecahan ini telah membawa kepada pembunuhan ⁶Ali k.w. yang dirancang oleh golongan Khawarij. Khawarij terus terpesong lebih jauh lagi apabila mereka mencipta sendiri dasar-dasar yang berkaitan dengan agama seperti dalam masalah kepimpinan, feqh, hadith dn sebagainya. Ada di antara mereka yang berpendapat solat hanya wajib satu raka⁹at sahaja. Seraka⁹at pada waktu pagi dan seraka⁹at lagi pada waktu petang. Mereka juga telah menghalalkan nikah cucu perempuan dari anak lelaki dan anak perempuan.⁹

⁶ *Ibid*, hal: 44

⁷ *Ibid*, hal: 45

2.1.2-Zaman kemasukan pemikiran asing.

Perbahasan dan perbincangan mengenai ilmu tumbuh dan berkembang pesat di zaman Abbāsiyah. Pelbagai ilmu dan pengajian telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab untuk dipelajari oleh semua lapisan masyarakat pada masa itu. Walau bagaimana pun, kelahiran dan perkembangannya telah dipengaruhi oleh beberapa faktor dalam dan luarannya yang tersendiri. Di antara faktor dalamannya;

1. Golongan dan tokoh-tokoh agama yang menentang sentiasa menggunakan cara dan hujah-hujah penentang mereka yang baru. Maka ianya tidak lagi dapat diperdebatkan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran. Lantaran itu para u^lama' terpaksa mencari alternatif lain, akhirnya mereka menemui ilmu Kalām¹⁰ sebagai ilmu yang baru.
2. Banyak berlaku permasalahan dan perselisihan di kalangan mazhab-mazhab yang ada akibat perluasan kuasa Islam serta pembebasan wilayah-wilayah yang dijajah selama ini.
3. Permasalahan serta perselisihan agama dan politik telah mencetuskan pembentukan puak-puak atau golongan-golongan yang tertentu seperti puak Syi^{ah}, Khawarij, Murji^{ah} dan sebagainya. Mereka mempunyai alasan tersendiri untuk membentuk kumpulan atau golongan masing-masing.¹¹

¹⁰ Dlm. *Penyelamat Dari Kesesatan*, Al-Ghazali, terj. Abdulfatah Haron Ibrahim, DBP, 1997, hal: 14, Ilmu yang membahaskan dalil-dalil ketuhanan yang tidak terlepas dari dalil-dalil aqli serta mantiq (logik). Ahlinya mengeluarkan pendapat dengan menggunakan daya intelek serta ketajaman pemikiran.

¹¹ Hassan Ayub, *Tabsit al-A^qid al-Islamiyyah*, Dar al-Turath al-A^qabi, Kaherah, cetakan ketujuh, 1986, hal: 294

Manakala sebab-sebab luarannya seperti;

1. Ramai manusia telah menerima Islam sebagai agama setelah banyak berlakunya pembukaan wilayah-wilayah oleh tentera-tentera Islam. Kebanyakan mereka yang baru menganut Islam berasal dari agama Majusi, Nasrani, Yahudi dan sebagainya. Oleh itu, lahir banyak pendapat dan pandangan tentang agama.
2. Berlaku banyak perselisihan pendapat dan hujjah yang berkaitan dengan tauhid terutamanya golongan Mu'tazilah dari mazhab-mazhab Islam dan agama-agama lain seperti Yahudi, Nasrani, Majusi dan sebagainya yang menggunakan falsafah sebagai senjata utama mereka dalam pertembungan yang berlaku.
3. Golongan *al-Mutakallimun* yang mewakili golongan agamawan pada masa itu juga terpaksa membaca, mengkaji dan mendalami ilmu falsafah untuk menolak hujjah-hujah golongan yang menggunakan falsafah sebagai senjata sebagaimana yang telah dilakukan oleh Imam al-Ghazali.¹²

2.1.3-Serangan isme-isme terhadap Islam.

Menurut Dr. Abdul Sattar Fathullah, serangan isme ke atas Islam dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu serangan lama dan serangan yang (baru) moden. Kedua-dua jenis serangan ini mengikut kesesuaian masa dan zaman. Masyarakat Islam sebelum dilanda kemodenan, kebanyakannya hidup dalam suasana buta huruf, lembab dan masih banyak pengaruh-pengaruh kuno. Antara serangan dalam bentuk lama ialah *israiliyyat*

¹² Hassan Ayub, *Ibid*, hal: 295

dan falsafah Yunani. Golongan yang menjadi tali barut terdiri dari mereka yang jahil tentang agama, samada berniat untuk mengagungkan atau menjatuhkan Islam.¹³

Imam Qurtubi mengatakan bahawa mereka yang jahil meneruskan cara hidup bertaqlid dengan menerima apa saja yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka tanpa kajian dan perbahasan ke atasnya. Inilah yang menyebabkan kesesatan dan kesempitan pemikiran yang berterusan dan turun temurun.¹⁴ Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 170 berbunyi:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَتَبْيَعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَسْأَلُ مَا أَفْتَنَا عَلَيْهِ
عَابِرَاتٍ أَوْ لَوْ كَانَ عَابِرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ


Maksudnya: "Apabila dikatakan kepada mereka: Ikutlah apa-apa yang diturunkan oleh Allah. Maka mereka menjawab: Tetapi kami mengikuti apa-apa yang kami perolehi dari apa-bapa kami. Meskipun bapa-bapa mereka tidak memikirkan sesuatu dan tidak pula mendapat petunjuk".

Penyelewengan ilmu Kalam juga telah menambahkan kekeliruan masyarakat Islam. Pada asalnya merupakan suatu ilmu yang digunakan oleh 'ulama' kalam untuk menolak serangan-serangan falsafah.¹⁵

¹³ Dr. Abdul Sattar Fathullah Said, *Al-Ghazwul Fikri wa at-Tayyarat al-Mafadiyah lil Islam*, Dar al-Wafa', Mansourah, Mesir, 1989, hal: 30

¹⁴ Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *Al-Jami' li Akhamil Quran*, Jil. 2, Dar al-Hadith, aherah, 1994, hal: 218.

¹⁵ Dr. Abdul Sattar, *op.cit*, hal: 32

Selain itu, masyarakat Islam di zaman klasik mengahdapi beberapa masalah lain yang agak kuat membelenggu seperti ilmu-ilmu yang tidak bermanfaat seperti sihir dan sebagainya. Manusia juga ramai yang jumud, pemikiran yang sempit dan terbatas. Tidak berlaku ledakan yang pesat dalam bidang penyelidikan, perbahasan tentang ilmu. Jika ada pun, ianya tidak menyeluruh dan tidak melibatkan segenap lapisan masyarakat. Hal ini juga pernah melanda ilmu feqh suatu masa dulu.¹⁶

Manakala serangan-serangan moden lebih hebat dari serangan dalam bentuk yang klasik kerana ianya menggunakan segala kecanggihan teknologi yang ada serta ledakan maklumat yang berlaku mutakhir ini.

2.1.3.1-Sekularisme¹⁷

Muncul di Eropah selepas Revolusi Perancis (1789). Bermulalah pengasingan antara urusan keduniaan dan keagamaan yang mengikut rentak pertembungan hebat antara ilmuan dan agamawan yang berkesudahan dengan teori ‘pembahagian kekuasaan’. Segala bentuk pentadbiran, pengurusan dan seluruh sistem keduniaan tidak lagi memerlukan nilai-nilai kerohanian.¹⁸

¹⁶ *Ibid*, hal: 34-35

¹⁷ Menurut Said Hawa (Dlm. *Asas fi as-Sunnah*, hal. 635-638), aliran Sekular jelas bertentangan dengan Islam kerana ia telah memisahkan agama dengan pemerintahan negara. Selama ini ianya benar-benar berjaya dalam usaha menggagalkan pelaksanaan syariat Islam di seluruh pelusuh negara-negara umat Islam. Ianya mengusai pemikiran masyarakat sehingga tertubuhnya berbagai-bagai parti nasional dan kebangsaan.

¹⁸ Imam Munawir, *Kebangkitan Islam dan Tantangan-tantangan Yang Dihadapi*, Pustaka Nasional Pte. Ltd., Singapura, 1985, hal: 193

Revolusi Perancis mengandungi berbagai suara ‘Gantung Raja’ yang berakhir dengan pendapat bejad Lenin, “Agama adalah candu masyarakat”. Akibat dari itulah manusia terlalu memuja kemampuan akal yang terbatas. Mereka langsung tidak menghiraukan kecelakaan yang bakal mereka hadapi akibat membelakangkan prinsip-prinsip *Rububiyyah* dalam kehidupan seluruhnya. Voltaire (1694-1778) melaungkan bahawa akal merupakan sumber ilmu yang utama yang tidak ada kena mengena dengan unsur-unsur kerohanian. Penyebarannya di Eropah banyak dibayangi oleh beberapa individu penting seperti Charles Darwin (1804-1882), Karl Marx (1818-1883) dan Freud (1856-1939). Darwin telah menggambarkan dalam khayalannya bahawa manusia berasal dari binatang, berevolusi dan bertasawwur sehingga menjadi manusia. Karl Marx pula mengatakan bahawa tujuan kejadian manusia ialah untuk merasai seluruh kepuasan meterial, ekonomi, fikiran dan kebudayaan. Manakala Freud menggambarkan manusia berkembang dengan naluri seks yang ada padanya.¹⁹

Turki ialah negara Sekular pertama. Ianya telah dirancang dengan teliti oleh Barat untuk menjatuhkan khilāfah °Uthmāniyah. Mustafa Kamal Attaturk memainkan peranan penting dalam menjayakannya. Beliaulah yang bertanggung jawab memodenkan Turki mengikut acuan dan selera Barat, maka berlakulah pemisahan antara insan dengan segala hubungan dengan tuhan. Turki telah diorientasikan dengan undang-undang Swiss. Taqwim Islam telah diganti dengan kalendar Gregoria. Pada 1928 Islam telah dihapuskan

¹⁹ *Ibid*, hal: 196-197

sepenuhnya dari menjadi agama rasmi dan diganti dengan perkataan ‘sekular’ dalam seluruh aspek kehidupan.²⁰

Menurut Al-Attas, sekularisme yang menyerap masuk ke dalam sistem pendidikan akan melahirkan dualisme yang amat bersesuaian dengan pendidikan dan nilai-nilai barat yang tidak bermoral serta jauh dari aspek ketuhanan dan kerohanian. Ianya telah menimbulkan keraguan yang berterusan akibat penghujungnya yang tidak menemukan manusia dengan penciptanya. Lantaran itu manusia akan tersesat akibat pendidikan yang tidak mempunyai roh dan tidak bermaruah.²¹

2.1.3.2-Komunisme²²

Kelahirannya terus mengocok dunia dengan berbagai perperangan yang tercetus akibat percaturan yang dimainkan tanpa mengira nilai-nilai kemanusiaan dan harga diri. Komunisme dan Kapitalisme merupakan dua kuasa yang sering saja berebut kuasa dan pengaruh ketika manusia sedang bergerak dan berkembang untuk maju. Kesempatan itulah yang diambil bagi melaga-lagakan sistem ciptaan mereka bagi menguji ketahanan antara satu sama lain.²³

Ismi ini telah menghancurkan kaum buruh yang berusaha bagi memajukan sebuah negara. Ternyata darah mereka yang dihisap sewenang-wenangnya. Bagi

²⁰ Che Yusuf Che Mamat, *Sekularisme; Perkembangannya Dalam Masyarakat Muslim*, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hal: 50-57

²¹ Ziaudin Sardar, *Masa Hadapan Islam*, terjemahan Mohd. Sidin Ahmad Ishak, DBP, Kuala Lumpur, 1990, hal: 98
²² (Dlm. *Al-Asas fi as-Sunnah wa Fiqhiha al-A'qa'id al-Islamiyah*, Jld. II, oleh Ust. Said Hawa, Dar al-Salam, Kaherah, hal:636) mengatakan bahawa ianya merupakan pemikiran manusia yang baru dan berasal dari aliran-aliran falsafah, kemudiannya telah ditukar menjadi ideologi yang anti agama.

²³ Imam Munawir, *op.cit*, hal: 206

komunisme yang telah menganggap agama sebagai candu kepada masyarakat sekali terencaut akalnya dengan mengatakan bahawa negara merupakan mesin bagi sesetengah masyarakat untuk meranapkan masyarakat yang lain. Untuk mencapai hasrat, mereka akan sanggup melakukan apa saja penindasan, kekejaman dan pembunuhan di serata dunia.²⁴

2.1.3.3-Kapitalisme.

Merupakan lawan yang utama kepada Komunisme. Ianya menetapkan bahawa untung terbesar ialah pada modal merupakan lawan kepada Komunis yang meletakkan buruh sebagai sumber keuntungan utama. Isme ini meletakkan ekonomi sebagai tujuan kehidupan di atas muka bumi. Tidak ada yang lebih penting dalam kehidupan ini selain dari harta kekayaan dan menguasai sumbernya. Manusia tidak seharusnya bersusah payah mengabdikan diri dari sudut rohani kerana ianya membazir masa. Apa yang penting, modal besar mesti dimiliki bagi menguasai kehidupan yang penuh dengan kekayaan ini.²⁵

Bagi Islam, keduanya merupakan isme yang rapuh, bahkan tidak bermoral. Islam tidak menyeru kepada penindasan atau sistem yang menghisap darah golongan tertentu demi kepentingan golongan yang lain. Perpaduan yang diseru oleh Islam sentiasa tetap dengan prinsip *takaful* dan *tawazun* antara lapisan dalam masyarakat. Secara umumnya, apa sahaja sistem yang dianjurkan mestilah berdasarkan taqwa kepada Allah s.w.t, bukannya demi keduniaan semata-mata. Konsep pembangunan dalam Islam juga mementingkan keseimbangan antara dunia dan akhirat. Kemajuan yang dikehjarnya juga

²⁴ *Ibid*, hal: 207

²⁵ *Ibid*, hal: 208

menuntut *tazkiyyah* secara berbagai dimensi serta pada berbagai aspek. Ianya mesti dilakukan oleh setiap individu muslim jika mahukan Islam tetap suci dan utuh. Ianya bukanlah sesuatu yang dinamik dan bukannya statik sebagaimana anggapan cendikiawan asuhan Barat. Melalui *tazkiyyah*, pembangunan dan kemajuan yang dicapai adalah semata-mata kerana Allah.²⁶

2.1.3.4-Gerakan Zionis.

Mereka telah menjalan berbagai kegiatan yang boleh memesongkan tumpuan umat Islam terhadap tuhannya, bahkan derhaka dan lari dari landasan ‘aqidah yang suci. Mereka akan cuba sedaya upaya mereka untuk menutup cahaya Allah dengan kesesatan yang mereka cipta dengan pemikiran mereka yang telah lama menyeleweng. Hal ini telah pun ditegaskan oleh Allah dengan firman-Nya dalam surah as-Saff ayat 8 yang berbunyi:

يُرِيدُونَ لِيُطْفَئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمٌّ لِنُورِهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ 

Maksudnya: “Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka (ucapan dan hasutan), sedang Allah menyempurnakan cahaya-Nya meskipun orang-orang kafir membenci”.

Mereka mendirikan kelab-kelab antarabangsa seperti Freemasonry, Rotary Club, Lion Club dan sebagainya. Mereka bijak menyelinap masuk di segenap peringkat dan

²⁶ Ziaudin Sardar, *op.cit*, hal: 283

aliran di saat-saat kelalaian umat Islam. Pada 1829, mereka bergabung dengan *Nihilis* dan *Athies* serta beberapa kumpulan lain yang aktif dengan kegiatan dan matlamat yang sama lalu diberi nama khas iaitu Komunisme. Walau bagaimana pun, ianya didalangi oleh kelicikan Yahudi yang sentiasa memusuhi Islam. Berbagai agenda permusuhan telah dirancang dengan teliti. Peperangan demi peperangan menghancurkan umat Islam di serata dunia telah dilancarkan sebagai mana berlaku di Palestin dan di tempat-tempat lain.²⁷

Umat Islam Palestin misalnya, mereka telah dipaksa supaya mengaku bersaudara dengan Yahudi. Mereka juga memaksa penduduk tempatan menyerahkan hak-hak kepada mereka dengan alasan mereka ialah sanak saudara yang telah lama pergi merantau mencari kekayaan. Kini mereka telah pulang dan ramai lagi yang akan pulang ke tanah air tercinta. Oleh itu berilah mereka ruang dan peluang secara sukarela atau mereka semua akan dipaksa mengikut kehendak mereka.²⁸ Banyak lagi kegiatan dan agenda yang dimainkan oleh Zionisme yang anda boleh rujuk secara lebih terperinci dalam hasil-hasil penulis Islam yang ihklas dan berwibawa.

2.1.3.5-Gerakan Yahudi.²⁹

Apabila membicarakan tentang pengkhianatan dan permusuhan yang dilakukan oleh Yahudi atau Bani Israel, maka ianya bukanlah suatu perkara yang baru dan pelik.

²⁷ Imam Munawir, *op.cit*, hal: 224

²⁸ *Ibid*, hal: 231

²⁹ Menurut Said Hawa, Yahudi merupakan suatu agama utama yang bertembung dengan Islam di samping agama-agama lain seperti Nasrani, agama-agama Parsi, Hindu, Buddha dan berbagai agama lagi yang berorientasikan penyembahan berhala.

Bahkan ianya sudah bermula sejak nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w. Pastinya ia akan berterusan hingga ke hari qiamat.

Allah telah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 120:

وَلَنْ تَرْضَىَ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا الْكُفَّارَىَ حَتَّىَ تَتَّبِعَ مِلَّهُمْ

Maksudnya: "Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang terhadap kamu sehinggalah kamu mengikuti agama mereka".

Firman Allah lagi dalam surah an-Nisa' ayat 44 berbunyi:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أَوْثَأُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يَشْتَرُونَ الْأَضْلَالَةَ
وَيُرِيدُونَ أَنْ تَضْلُّوا السَّبِيلَ

Maksudnya: "Tidakkah kamu tahu orang-orang beroleh sebahagian dari kitab (orang-orang Yahudi), mereka membeli kesesatan (dengan petunjuk) dan mereka yang menghendaki supaya kamu sesat dari jalan (kebenaran)".

Akademi Fiqh, dalam sidangnya yang pertama 15 Julai 1978, di Mekah telah meninjau masalah Freemasonry dan anggotanya, hukum bagi mereka dan sebagainya.

Antara ciri-ciri yang boleh dikenal pasti ialah:

1. Mempunyai kegiatan yang zahir dan tersembunyi. Prinsip mereka ialah rahsia, hanya diketahui oleh ahlinya sahaja. Mereka mempunyai tingkat-tingkat tertentu dalam organisasi mereka. Dalam tingkatan tersebut terdapat setingkat golongan yang teristimewa.³⁰
2. Kegiatan mereka berdasarkan penipuan dan hasutan yang berselindung di sebalik seruan perpaduan antara mazhab, persamaan antara lapisan masyarakat dan kemantapan rohani serta akidah yang suci murni.
3. Bagi anggota yang baru menyertainya. Mereka akan melalui suatu upacara yang amat menakutkan dan tragis. Ianya bertujuan mengugut ahli baru supaya tidak melakukan perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai belot dan seumpamanya.
4. Bagi ahli yang baru, ianya masih diberi kesempatan untuk melakukan ibadat-ibadah ringan. Tetapi akan dihalang secara mutlak bila tiba masanya.³¹
5. Mereka berusaha untuk menguasai politik dan ketenteraan. Ianya akan digunakan bagi memulakan perubahan yang mereka rasakan perlu bila tiba di tahap-tahap tertentu.
6. Asal usul dan akar umbi mereka jelas Yahudi, penggerak dan penaja mereka juga Yahudi, manakala kegiatan mereka bersifat Zionis.

³⁰ Imam Munawwir, *op.cit*, hal: 241

³¹ *Ibid*, hal: 242-243

7. Tujuan utama ialah meruntuhkan Islam di samping agama lain. Ianya akan berusaha bermatian untuk meruntuhkan aqidah Islamiyah dan jiwa penganutnya.
8. Pemilihan bagi menjawat jawatan penting dalam organisasi adalah berdasarkan kepada kekuatan jawatan, ekonomi dan pengaruh politik yang dimiliki. Mereka yang mempunyai posisi penting penting dalam masyarakat mudah menyertai mereka dan memegang jawatan penting di dalamnya.
9. Mereka mempunyai banyak cawangan dan bahagian-bahagian untuk mengelabui mata. Sebab itulah mereka akan muncul dalam rupa penaja kebajikan, khidmat sosial dan sebagainya supaya masyarakat umum terkeliru dan tidak boleh memastikan siapakah mereka sebenarnya. Gerakan Yahudi dan Freemasonry merupakan saudara kembar yang amat merbahaya lagi ganas.³²

2.1.3.6-Gerakan Missionarisme.

Tidak memadai umat Islam dimusuhi sejak berkurun lamanya. Banyak negera-negara umat Islam telah dijajah dan tenaga mereka dikerah. Namun mereka merasa masih lagi gagal menguasai aqidah umat Islam. Apa yang mereka dapati bahawa mereka hanya menjajah hasil-hasil yang ada, sedangkan tauhid dan akidah umat Islam tetap tidak berkiblat kepada mereka. Oleh yang demikian, selepas Perang Dunia kedua, mereka semakin giat berusaha mengkristiankan umat Islam melalui berbagai jalan, cara dan

³² *Ibid*, hal: 246

dana, pujuk rayu, harta benda, kemudahan pendidikan seperti sekolah, kewangan, pakaian, makanan, keluarga angkat dan sebagainya lagi.³³

Menurut Dr. Abdul Sattar Fathullah, serangan yang dilakukan ini memberikan tamparan yang amat hebat kepada kekuatan ‘aqidah masyarakat Islam. Mereka mampu menghamilkan wanita-wanita Islam yang mengandung anak generasi yang amat cintakan Barat, bertasbih memuji Barat setelah menjadikannya sebagai cara hidup. Mereka juga telah berjaya menghumban generasi Islam ke lembah murtad tanpa sebarang bunyi dan tanpa disedari oleh sesiapa.³⁴

Mereka sibuk ke sana kemari mencari pengaruh. Pelbagai sarana dan dana dilakukan bersesuaian dengan masa dan situasi. Puak Missionaris menyedari bahawa bukanlah tugas mudah untuk memalingkan akidah umat Islam dalam keadaan terburu-buru. Mereka terpaksa mencipta senjata yang ampuh untuk dijadikan suntikan dalam diam dan baik. Mereka mahu umat Islam berpaling selangkah sahaja untuk peringkat pertama. ‘Aqidah mereka pasti goyah sendirinya.³⁵

Sebenarnya umat Islam telah tewas terus dalam peperangan tersebut akibat kelemahan ekonomi dan kepincangan organisasinya selama ini. Oleh yang demikian, mereka telah berjaya melaga-lagakan umat Islam sesama sendiri. Anak didik imperialis terus mendabik dada megah dengan modernisasi yang dilaung-laungkannya. Mereka

³³ *Ibid*, hal. 249

³⁴ Dr. Abdul Sattar, *op.cit*, hal : 40-41

³⁵ *Ibid*, hal: 252

mencanangkan kemerdekaan, sedangkan pemikiran mereka masih terjajah bahkan akan mencipta penjajahan dalam bentuk baru. Penentangnya dari kalangan agamawan dianggap tradisionalis kuno yang tidak mampu bersaing dalam arus kemajuan perdana. Agamawan terus menghalang pembangunan-pembangunan yang tidak berteraskan taqwa dan tiada keseimbangan antara mental dan spiritual. Semakin banyak kemajuan, semakin banyaklah kesesatan dan keruntuhan dari sudut kerohanian Islam.³⁶

Menurut Anuar al-Jundi, Islam telah diserang dari beberapa aspek, antaranya:

1. Serangan ke atas kefahaman dan pemikiran Islam, kitab-Nya, rasul-Nya, sejarahnya serta para 'ulama'nya yang telah melakukan pengorbanan yang amat besar.
2. Serangan dengan cara melahirkan agama yang baru seperti Agama *Babiyah*³⁷ dan *Baha'iyyah*³⁸.
3. Serangan dengan cara melancarkan perang dengan fahaman *Athies*³⁹ ke segenap tempat yang didiami umat Islam.⁴⁰

³⁶ *Ibid*, hal: 253

³⁷ Agama yang baru dicipta dan setaraf dengan *Baha'iyyah* dan *Qadyaniyyah* bagi memperhebatkan serangan terhadap Islam. Menurut Dr. Charles Adam, ianya suatu alat dalam usaha mempergunakan Islam demi kepentingan Kristian.

³⁸ Cawangan dari agama *Babiyah* yang lahir dalam tahun 79-an, kurun yang lalu melalui Mirza Ali Muhammad al-Bab yang meninggal pada tahun 1852M. Beliau mendakwa kelahirannya ialah untuk memperbaiki agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

³⁹ Suatu fahaman yang menentang Allah dan mengingkari kewujudan Tuhan, mereka hanya tunduk kepada undang-undang alam. Matlamat besarnya untuk menghancurkan semua agama yang ada terutama untuk menghapuskan aqidah *Islamiyyah* dan membentuk suatu aliran Ilhad.

⁴⁰ Anuar al-Jundi, *Usaha-usaha Pembaratan Terhadap Islam*, Terj. Abdul Kader Kahar, Pustaka Ikhwan, Alor Setar, 1986, hal: 16

2.2-PENGARUH LUAR KE ATAS KEROHANIAN ISLAM.

2.2.1-Pengaruh Hindu.

Abdul Raihan Muhammad bin Ahmad al-Bīrūni (351-440 H/ 962-1049 M) merupakan seorang sejarawan dan pengembara Arab yang terkenal telah mempelajari dan memerhati kebudayaan Hindu secara mendalam serta mempelajari bahasa Sanskrit. Beliau juga lama menetap di India. Menulis panjang lebar tentang kepercayaan, keagamaan, ibadat dan falsafah India (perkara-perkara yang diterima dan ditolak oleh akal).

Hasil kajian dan pemerhatiannya, kehidupan Yoga⁴¹ di India mempunyai banyak persamaan dengan kehidupan serta amalan riadhah kaum sufi. Sebagai contoh, salah satu perbandingan yang dibuat oleh al-Bīrūni tentang kesamaan diri dengan yang dicari (di antara Hindu dan tasawuf Islam). Setengah dari intisari ajaran ‘*Patenggel*’, bahawa mengadakan upacara-upacara ibadat keagamaan seperti sembahyang, puasa dan lain-lain itu, bukanlah jalan untuk mencapai bahagia (sa‘adah) bagi manusia. Jalan untuk mencapai kebahagian hanyalah dengan zikir dan *ta’ammul* kelak akan membawa dirinya bersatu dengan Tuhan dan dengan seluruh yang ada (al-Kaun). Kerana pada hakikatnya semua itu adalah satu.⁴²

⁴¹ Yoga dilakukan untuk berbagai tujuan. Bagi Yoga yang bertujuan mistik, seseorang itu mestilah menjauhkan diri dari bersifat materialistik dan melepaskan diri dari cintakan dunia. Syarat-syarat lain ialah berdisiplin, melibatkan cara bernafas, konsentrasi (darana), meditasi (dhyāra) dan mengelakkan diri dari melakukan perkara-perkara tertentu. (Dlm. *Massa*, 15 Julai 2000).

⁴² Hamka, *op. cit*, hal: 43

mengesakan, sebelum *al-Haq* menguasai isyaratmu, dengan *fana*nya diri engkau. Maka tidaklah tinggal lagi yang memberi isyarat, dan tidak pula isyarat itu sendiri” Ahli sufi menjawab ketika ditanya tentang *al-Haq* itu telah menjawab “Bagaimana saya akan menjelaskan siapa Dia. Saya itu dengan saya dengan di mana. Kalau saya kembali, dengan kembali itulah saya terpisah. Kalau saya lalai, dengan lalai itulah saya diringankan. Dan dengan bersatu barulah saya mencapai ketenteraman”.⁴³

Mengenai masalah *fana*’ & *Wahdatul Wujud*, ianya merupakan percubaan insani untuk mencapai kebahagian hidup. Walau bagaimana pun, pendapat ini ditentang oleh ‘ulama’-‘ulama’ sufi yang meletakkan perbezaan yang amat besar pada istilah *fana*’ yang digunakan dalam kitab suci Hindu. Bagi agama Hindu, ianya akan sampai pada tahap *ittihad*. Manakala bagi ahli sufi ianya hanyalah suatu tahap *suluk* yang dilalui oleh manusia sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah. Dengan kata lain, ianya hanya sama pada lafaz tetapi berbeza pada pengertiannya.⁴⁴

Nirwana ialah ajaran yang menggambarkan bahawa jiwa manusia, hilang lenyap sendirinya dalam ketenteraman yang mutlak dan tidak diganggu oleh indera dan syahwat. Tetapi ajaran *fana*’ dalam tasawuf, walaupun menghilangkan diri namun ianya tetap melihat kepada suatu yang kekal abadi. Pada masa itu, ianya merasa lazat dengan lamunan cintanya terhadap Tuhan. Begitulah seterusnya aspek-aspek lain yang mempunyai persamaan antara Hindu dan amalan tasawuf Islam.⁴⁵

⁴³ *Ibid*, hal: 44-45

⁴⁴ Mohammad Dhiya’uddin, *Nasy’atu at-Tasawwuf al-Islami*, Matba’ah Fanniyah, Kaherah, T.T., hal: 72

⁴⁵ Hamka, *op. cit*, hal: 43-47

2.2.2-Pengaruh Parsi

Pendapat ini berdasarkan hubungan yang erat antara Arab dengan orang-orang Parsi dalam soal-soal politik, ekonomi dan kebudayaan yang telah berlangsung di zaman Khalifah °Umar al-Khattab, bahkan sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Kedua-duanya saling mempengaruhi antara satu sama lain dari sudut kehidupan dan berkembang sebagai peradaban.

Zuhud dalam konteks ilmu tasawuf mempunyai persamaan dengan kependitaan yang terdapat dalam mazhab Manu. *Qana'ah* pula sebagai suatu cara hidup yang sederhana menyerupai ajaran mazhab Mazdaq.⁴⁶

Kepercayaan puak Syi'ah banyak mempunyai persamaan dengan tasawuf, bahkan sering mempengaruhi antara satu sama lain. Misalnya kepercayaan tentang ‘Hak Ketuhanan Raja’. Tuhan menjelma sebagai Imam. Semua ini bersumber dari Parsi. Tentang dunia yang dikuasai oleh tujuh orang *quthub* (wali) yang amat tinggi kekuasaannya, pun juga kepercayaan Parsi. Demikian juga kepercayaan golongan tasawuf, asal yang mula terjadi ialah *al-Haqiqatul Muhammadiyyah*, daripadanyalah kemudian terjadinya segala isi alam, manakala hakikat itu laksana seekor burung nuri di dalam sangkar kaca, keringatnya umpama malaikat, langit dan bumi serta segalanya itu sebagai lanjutan dari kepercayaan dari agama *Zarasustra* terhadap mereka yang

⁴⁶ *Ibid*, hal: 47-48

dinamakan *Zind Afesta* yang mengatakan *Ahriman* (Harmuz) Tuhan kebaikan menjadikan alam ini secara tidak langsung, melainkan dengan perantaraan ‘kalimat’.

Menurut Muhammad Dhiya’uddin, pendapat yang mengatakan bahawa tasawuf ini berasal dari Parsi dan mempunyai pengaruhnya disebabkan mereka melihat ramai dari kalangan pemimpin sufi yang berasal dari Parsi. Orang-orang Parsi yang memeluk Islam kemudiannya senang mengamalkan cara hidup kerohanian di bawah naungan agama Islam.⁴⁷

2.2.3-Pengaruh Nasrani.

Pendapat ini berasaskan hubungan antara Arab dan penganut Nasrani yang sedia wujud sejak zaman Jahiliyyah lagi. Ramai penganut Nasrani datang ke Tanah Arab sambil memperkenalkan cara hidup kerohanian mereka. Setengah orang Arab telah mengaitkan ajaran Islam yang datang kemudiannya dengan sesetengah ajaran Nasrani yang mereka pelajari sebelumnya. Manakala Rasulullah s.a.w. sendiri waktu kecil semasa perjalanan ke Syam, telah bersua dengan Buhaira.⁴⁸

Waraqah bin Naufal, juga seorang rahib Nasrani telah memainkan peranannya yang tersendiri untuk membantu Rasulullah s.a.w. setelah menerima wahyu yang pertama.

⁴⁷ Muhammad Dhiya’uddin, *op.cit*, hal: 71

⁴⁸ Buhaira ialah seorang pendita atau rahib beragama Nasrani.

Nicholson berpendapat bahawa *tafakkur* (berdiam diri dan berzikir) juga mempunyai pengaruh Nasrani. Terdapat juga ahli tasawuf yang gemar mengumpul mutiara-mutiara kata Nabi ⁶Isa a.s. Salah satu kisah yang terdapat di dalam kitab sufi bahawa pada suatu hari Nabi ⁶Isa telah berjumpa dengan segolongan *abid* seolah-olah terbakar diri mereka. Lalu Nabi ⁶Isa a.s. bertanya: "Siapakah kamu ?". Lalu mereka menjawab, "Kami ialah *abid*". Lalu ditanya lagi, "Untuk apa kamu beribadat ?". Mereka menjawab, "Tuhan menerbitkan keredhaan dalam hati-hati kami untuk memasuki syurga dan beberapa janjinya terhadap para *auliya*", dan kami mengharapkan janji-janji itu". Nabi ⁶Isa a.s. memberitahu mereka bahawa Allah berhak ke atas janji-janji-Nya. Nabi ⁶Isa kemudiannya meneruskan lagi perjalannya dan bertemu lagi dengan sekumpulan manusia yang asyik beribadat. Lalu Nabi ⁶Isa a.s. bertanyakan mereka: "Untuk apa kamu beribadat ?". Mereka menjawab bahawa semata-mata kerana mereka cintakan Allah dan demi kebesaran serta kemuliaan-Nya. Bukan kerana mereka takutkan neraka dan muhū memasuki syurga. Lalu Nabi ⁶Isa a.s. berkata : "Sesungguhnya kamulah wali Allah yang sebenarnya. Aku diperintahkan supaya tinggal bersama kamu". Prof. Dr. Hamka mengatakan bahawa inilah bukti adanya pengaruh Nasrani iaitu 'cinta'.⁴⁹

2.2.4-Pengaruh Falsafah Yunani.

Pada zaman kerajaan Daulah ⁶Abbāsiyyah, terutamanya di zaman al-Ma'mun yang dikenali sebagai zaman keemasan, berlakunya ledakan ilmu pengetahuan serta gerakan penterjemahan kitab-kitab asing dari Parsi, Yunan dan Hindustan ke dalam bahasa Arab. Para penterjemah juga ada yang terdiri dari penganut-penganut Nasrani. Penganut mazhab Nasrani *Nasturian* tersebar di negeri-negeri Hirah (dalam negara Iraq

⁴⁹ Muhamad Dhiya'uddin, *op.cit*, hal: 48-49

sekarang). Mazhab Nasrani *Ya'cobienen* tersebar ke sebelah negeri Ghasan (terletak di dalam Republik Syria sekarang). Abdul Masih bin Nai'mah yang berasal dari Homs, salah seorang penterjemah yang terkenal.

Perkara yang telah menarik perhatian para penyelidik ialah penggabungan pemikiran Yunan dengan Tasawuf Timur yang ditimbulkan oleh Plutin di Iskandariah yang dikenali dengan Neo Platonisme.⁵⁰

Prof. Dr. Hamka mengemukakan intisari ajaran Neo-Platonisme dan intipati ajaran. Bahwasanya *ma'rifat* yang hakiki tidak akan dicapai melalui pancaindera dan akal. Tetapi dengan ‘*Nūr*’ yang dianugerahkan oleh Tuhan ke dalam hati sanubari seorang hamba selepas ianya terlepas dari belenggu hawa nafsu. Setelah itu mencapai *fana'* serta hidup dengan penuh kelazatan *zat llahi*. Hilanglah segala pemisah, akhirnya bersatu.

Oleh yang demikian, timbulah beberapa istilah seperti *zauq* (rasa), *wajd* (rindu), *al-Ma'ani al-Azaliyyah* (makna-makna yang azali), *tariqah*, *ma'rifah*, *haqiqatul haqa'iq* dan berbagai-bagi lagi. Timbul juga istilah-istilah seperti *wahdatul wujud*, *wahdatul syuhud*, *al-hulul* dan lain-lain lagi yang mempunyai pecahan-pecahannya tersendiri. Kesemua ini mempunyai pengaruh yang kuat dari falsafah Yunan, terutamanya Neo-Platonisme.⁵¹

⁵⁰ Menurut Syahrastāni (*Dlm. Al-Milal wa An-Nihāl*) bahawa Plutin ialah syeikh Yunan.

⁵¹ Hamka, *op.cit*, hal: 49

Walau bagaimana pun, penyelidik tidak bersetuju dengan pendapat dan pandangan yang mendapati bahawa amalan dan kehidupan tasawuf Islam adalah dipengaruhi oleh banyak unsur. Penyelidik berpendapat bahawa segalanya berlaku secara kebetulan dalam pencarian tentang hakikat kehidupan dan mengabdikan diri kepada Pencipta yang Maha Esa iaitu Allah s.w.t. Islam ialah agama tunggal yang diredhai-Nya setelah dikurniakan al-Quran dan Sunnah Nabawiyyah sebagai panduan utama. Adapun cara dan amalan yang selain dari syari'at Islam adalah sesat belaka.

Islam yang suci dari Allah s.w.t. tidak sekali-kali dipengaruhi samada oleh budaya Parsi, Hindu, Nasrani, falsafah Yunan dan sebagainya. Tetapi sedikit sebanyak persamaan yang terdapat sebagai bukti kebebasan manusia yang memilih selain dari Islam untuk mencapai hakikat kewujudan dan kehidupan yang sebenarnya. Mereka telah mencipta cara dan jalan tersendiri yang jauh dari redha Ilahi. Cara yang salah inilah yang melahirkan serpihan dan kumpulan-kumpulan yang menyeleweng lagi sesat.⁵²

Firman Allah yang dalam surah an-Nisa' ayat 136 yang berbunyi:

يَتَأْكِلُهَا الَّذِينَ عَمِلُوا مَا مِنْهُ أَمْثُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلِهِ وَمَنْ يَكْفُرُ بِاللَّهِ وَمَلَكِتِيهِ وَكُثُرٍ بِهِ وَرُشْدٍ وَالْيَوْمُ الْآخِرُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا



⁵² Ibid, hal: 50

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan kitab yang diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dan kitab yang diturunkan sebelum itu. Barang siapa yang mengingkari Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya,. Rasul-rasul-Nya dan hari kemudian, maka sesungguhnya mereka telah sesat dengan kesesatan yang jauh".

2.3-PENDOKONG AWAL AJARAN SESAT

2.3.1-Ahli Tasawuf (Wahdatul Wujud)

Menurut Ibnu Khaldun, tasawuf ialah salah satu daripada ilmu-ilmu yang terdapat dalam syariat Islam. Pada asalnya tidak terdapat di zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang masyhur. Ianya merupakan suatu jalan untuk menuju kebenaran dan petunjuk (hidayah). Kehidupan mereka tidak memandang kepada kemewahan, perhiasan dan keselesaan hidup dunia.

Dr. Ahmad Syarbasi menggambarkan ahli tasawuf sebagai mereka yang mentahqiqkan di dalam jiwa mereka dengan sifat-sifat ikhlas, muraqabah dan redha pada tahap (maqam) yang amat tinggi. Mereka juga menyamakan harta dan kekayaan dunia seperti batu-bata. Profesor dari Universiti al-Azhar ini juga menegaskan bahawa ramai yang mendakwa sebagai ahli sufi, akan tetapi segelintir sahaja yang benar-benar ikhlas dan berada di atas kebenaran.⁵³

⁵³ Dr. Ahmad Syarbasi, *Yas' alunaka fi ad-Din wa Al-Hayah*, Jld. I, Dar al-Jail, Beirut, 1981, hal: 559

Dunia tasawuf pernah mengalami kehilangan pengaruh dan tokoh-tokoh berwibawa mungkin disebabkan kemewahan hidup yang dialami mereka. Syiekh Abu al-Qāsim sendiri menceritakan bahawa di zamannya ramai yang meringan-ringankan ibadah puasa dan sembahyang serta tenggelam dalam kelalaian serta mengikut hawa nafsu dan asyik dengan kesibukan di pusat-pusat perniagaan, hiburan, perempuan dan orang-orang istana.⁵⁴

Fahaman ini mula timbul pada zaman tabi'in apabila mereka berusaha untuk mencapai suatu tingkat ibadah kepada Allah dengan melalui jalan tasawuf. Namun gerakan tasawuf yang jauh dari terpesong dari kebenaran Islam menyeret pengamalnya yang jahil kepada keyakinan *Wahdatul Wujud*, *al-Ittihad*, *al-Ittisal* dan sebagainya lagi.⁵⁵

Syed Muhammad Naquib beberapa pendapat mengenai asal usul fahaman *Wahdatul Wujud*, menurut beliau:

Kunhi dhat semangat keagamaan Islam itu ialah kepercayaan ketuhanan yang tunggal, dan ini terkandung dalam konsepsi tersendiri peri Keesaan Tuhan atau Tauhid. Ditilik dari segi pandangan falsafah menerusi ilmu kalam dan tasawuf, tauhid mengemukakan suatu antologi, kosmologi, dan psikologi tersendiri dalam suatu konsep agung yang biasa dinamai dengan istilah. Keesaan Wujud atau Wahdatul Wujud. Antologi dan psikologi demikian itu ialah boleh sewenang-wenang disamakan dengan falsafah Neo-Platonisme dan falsafah Hindu sebagai mana diuraikan mengikut pandangan *Vedanta*, sebab pada umumnya konsep-konsep itu berdiri tegak atas dasar-dasar terdapat dalam al-Quran yang berkesan mendalam bagi tiap segi dan kaedah, setiap aspek kehidupan orang Islam.⁵⁶

⁵⁴ Abu al-Qāsim Abdul Karim bin Hawazin al-Qusyairi an-Nisābūri, *Ar-Risalah Al-Qusyairiyah*, Dar al-Khair, Beirut, 1993, hal: 89

⁵⁵ Umar Hasyim, *Apakah Anda Termasuk Dalam Golongan Ahlus Sunnah Wal Jamaah?*, Thinkers Library, Pt. Bina Ilmu, Johor Bahru, 1986, hal: 111

⁵⁶ H. O. K. Rahmat S.H, *Pencemaran Akidah Di Nusantara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, hal: 49

Istilah-istilah dan fikiran-fikiran tasawuf wujudiah seperti *maratib al-wujud* segala yang ada atau martabat tujuh amat jelas. Gerakan Batiniyah di Nusantara didapati berasaskan Tasawuf Wujudiah. Ajaran jenis ini terpengaruh dengan New-Platonisme Hindu, Budha, fahaman Kristian tentang Nabi Isa a.s. itu Tuhan dan seumpamanya. Maka amatlah mudah musuh Islam mengambil kesempatan ini dengan menjadikan gerakan Batiniyah sebagai satu fahaman manusia-Tuhan-alam ini adalah satu.⁵⁷

Zaman Ibnu Farid, Ibnu 'Arabi dan ar-Rumi telah menyaksikan zaman keemasan bagi ilmu tasawuf. Pengaruhnya tersebar luas ke serata alam yang di diamai umat Islam di setiap penjuru. Pada masa itu telah lahir aliran tariqat yang berbagai tanpa dapat di kawal oleh sesiapa, apatah lagi apabila golongan pemerintah sendiri melibatkan diri. Mereka menjadi penaja-penaja kukuh kepada aliran-aliran tariqat tertentu dan mempertahankannya. Keasyikan yang dirasai telah menguasai segenap saluran masyarakat di setiap lapisan masyarakat. Malangnya, keghairahan yang tidak mampu dibendung telah mengeruhkan suasana harmoni pengajaran tasawuf yang suci. Timbul berbagai fitnah dan lahir sifat berbangga dengan aliran tariqat masing-masing.

Akhirnya kisah-kisah keramat para ahli sufi dikaitkan dengan tokohnya semata-mata, tidak lagi pada fadhilat amal ibadatnya selama ini. Maka berlakulah perkara-perkara khurafat, tasyul dan seumpamanya. Bermulalah hidup yang tak bermaruah, memalukan bahkan sesat dan menyesatkan. Penyelewengan ilmu tasawuf berlaku begitu hebat sekali sebagaimana di Mesir.⁵⁸

⁵⁷ Abdulfatah Haron, *Ajaran Sesat*, Op. cit, hal: 64

⁵⁸ A.J. Arberry, *Pasang Surut Aliran Tasawuf*, Pustaka Mizan, Bandung, 1985, hlm:105

Penyimpangan tasawuf berlaku dengan berleluasa akibat kegawatan ekonomi yang melanda serta kepincangan politik pada kurun ke 15 M. Lebih dari itu, tasawuf telah menyebabkan lemahnya perkembangan ilmu pengetahuan. Tokoh sufi yang terpesong menjadi begitu hina dan jumud sekali sehingga ada yang berani mencadangkan supaya solat ditinggalkan sahaja. Salah seorang daripada mereka ialah *Barakatul Khaiyat* (1517M) telah berwudhu' dengan air najis apabila diajak oleh 'ulama' al-Azhar untuk solat berjemaah. Pengabaian terhadap hukum hakam agama dan akhlaq amat parah sekali. Tasawuf yang amat suci akhirnya bertukar menjadi pengkhianat yang paling jahat.

Kerosakan keduanya, apabila Abu Hasyim (wafat 150 H) orang yang pertama memberi nama sufi. Penampilannya mewah dalam zuhud dan beribadah. Pakaian mereka dari kain sutera yang mahal sehingga ianya menyinggung perasaan ahli sufi yang lain. Oleh yang demikian, lahirlah sebuah disiplin ilmu kerohanian yang tersendiri. *Falsafah Isyraqiyah, ruhbaniyyah* dan *Vedanta* memainkan peranan penting dalam mengembangkan ajaran baru ini.⁵⁹ Di antara mereka ada yang menganut *hulu* dan *ittihad* (peleburan dan penyatuan diri dengan tuhan). Mereka mendakwa bahawa Allah telah bersatu dalam diri mereka (pencari kebenaran) apabila telah mencapai tahap tertinggi. Maka tiada lagi jarak antara mereka dengan Allah. Lantaran itu, lahirlah kata-kata "Dia adalah aku dan aku adalah Dia".⁶⁰

⁵⁹ *Ibid*, hal:106

⁶⁰ Wahiduddin Khan, *Kritikan Terhadap Ilmu Tasawuf, Fiqah, Ilmu Kalam*, Guna Insani Press, Jakarta, 1994, him: 40

Bertitik tolak dari sinilah, muncullah fahaman ‘*Wahdatul wujud*’ yang dipelopori oleh Hussien al-Hallāj yang mengatakan “*tiadalah yang lain di dalam jubahku melainkan Allah*”. Beliau telah dianggap murtad dan dibunuh di zaman pemerintahan al-Muqtadir.

Aliran tasawuf pada masa itu mendengar muzik dan berdansa merupakan jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Mereka melakukan meliwat untuk *bertaqarrub*.⁶¹

Satu kumpulan tariqat ialah kumpulan pengikut sufisme yang beramat menurut caranya yang tersendiri. Kumpulan ini beratus ribu banyaknya tersebar di seluruh dunia Islam yang terhimpun di dalam beberapa aliran yang berbeza antara satu sama lain.⁶²

Wahdatul Wujud dari Plotinus⁶³

Ianya kembali kepada Plato dan Aristotle. Plato berusaha menghubungkan antara alam azali dengan alam lahir atau alam rohani dan alam meterial atau seumpamanya dengan menggunakan teori ‘ide’ yang mengatakan adanya dua wujud. Iaitu suatu yang menjadi ‘pokok’ dan ‘bayangan’. Manakala Aristotle dalam metafiziknya juga cuba untuk menghubungkan antara keduanya serta cuba untuk mengatasi kekurangan yang terdapat dalam teori Plato. Beliau menggunakan teori *form and matter* yang mengatakan bahawa *form* yang murni (pure form) diambil dari *matter* yang murni (pure matter). Atau dengan menggambarkan ‘wujud yang ajaib’ dengan ‘wujud yang mungkin’. Dalam pada itu, ada juga penggambaran tentang wujud yang berdiri dengan sendirinya dan wujud

⁶¹ *Ibid*, hal:41

⁶² H.O.K Rahmat S.H, *op. cit*, hal: 82.

⁶³ Plotinus dilahirkan pada tahun 205 di Lycopolis di Mesir. Orang tuanya berasal dari Yunan. Beliau mempelajari mistik Parsi dan India (Dlm. *Alam Fikiran Yunani*, DBP, Kuala Lumpur, 1982, hal: 129)

yang tidak berdiri dengan sendirinya dan yang terkenal dengan *alam mumkin*. Maka apabila dia mengaitkan wujud yang murni dengan wujud yang mumkin (alam zahir) bererti dia menghubungkan dua kewujudan. Iaitu adanya wujud yang sempurna (tuhan) dan wujudnya alam lain yang memerlukannya (alam sempurna). Oleh yang demikian, sebagai kesimpulannya, wujud yang sempurna itu akan menarik wujud yang berhajat kepadanya. Maka yang pertama menggerakkan yang kedua (tidak bergerak dengan sendirinya). Bila pokok bergerak, bayangnya pun turut bergerak. Bila pokok (wujud sempurna) iaitu tuhan itu qadim, maka bayangnya (wujud yang berhajat) iaitu alam zahir pun turut qadim.⁶⁴

Walau bagaimana pun, kelemahan yang nyata pada Plato dan Aristotle ialah terlalu bergantung pada akal fikiran manusia yang terbatas. Lantaran itulah kedua-dua pendapat ini dianggap tidak berlaku dan tidak lebih dari suatu khayalan.

Kemudian datangnya Plotinus untuk mengaitkan semula antara kedua-duanya iaitu dengan menggunakan istilah ‘wujud tertinggi’ dan ‘wujud terendah’. Di samping itu terdapat wujud-wujud yang lain. Menurut Plotinus, wujud itu ada empat kesemuanya. Iaitu Wujud Pertama (*al-Awwal*), Akal (*nous*), Jiwa Alam (*an-nafsul kulliyah-first soul*) dan Wujud Material (*al-maddah*).⁶⁵

⁶⁴ Drs. Poerwantana, Drs. A. Ahmadi, M.A. Rosali, *Seluk-Beluk Filsafat Islam*, Penerbit PT Remaja, Bandung, 1991, hal: 77

⁶⁵ *Ibid*, hal: 78

2.3.2-Batiniyah.

Asal perkataan Batiniyah:

1. Perkataan ini mungkin merupakan pengertian yang memberi erti '*approfondissement de la vie interiore* (mendalami kehidupan kebatinan). Dengan itu, istilah kebatinan itu baru, iaitu satu menifestasi dari pengaruh teosofi.
2. Perkataan ini mungkin merupakan pengertian daripada perkataan '*occultisme*', iaitu yang tersembunyi dan rahsia, apa lagi jika kita ingat bahawa banyak dari amalan kebatinan disebut sebagai ilmu ghaib.⁶⁶

Dr. Ahmad Amin di dalam *Zhuhrul-Islami*, jilid IV, hal: 130 mengungkapkan, "Pihak Ismailiyah itu bersikap memalingkan al-Quran dan Hadis kepada pengertian yang bukan secara lahiriah. Kerana itulah mereka dipanggil Batiniyah". Mereka juga memotong ayat-ayat al-Quran untuk memesongkannya, iainya dilakukan dengan licik oleh Abdullah bin Maimun al-Qaddāh.⁶⁷

Gerakan Batiniyah lahir pada zaman khalifah al-Abbasiah, khalifah al-Makmun (198H) dan mula merebak pasa zaman al-Muktasim (218H) dan seterusnya dipelopori oleh sekumpulan orang Majusi. Pada mulanya mereka mengambil pemikiran falsafah dan mentafsirkan Islam. Mereka mengatakan Muhammad itu bukanlah seorang nabi atau rasul yang membawa kebenaran, tetapi hanya lah seorang Arab yang lahir dari kalangan

⁶⁶ Prof. Dr. H. M. Rasjidi, *Islam dan Kebatinan*, Bulan Bintang, Jakarta,b 1977, hal: 77

⁶⁷ H. M. Joesoef Sou'yib, *Pertumbuhan dan Perkembangan aliran-aliran Sekta Syiah*, Pustaka al- Husna, Jakarta, 1982, hal: 144

bangsanya yang tidak bertamadun. Muhammad berpeluang menegakkan negara dengan sesuka hatinya atau secara paksa. Pengaruhnya sekarang sudah kuat hingga menguasai bangsa dan harta benda kita. Kita tak mungkin mengalahkannya lagi. Oleh itu tidak bijak jika kita berterangan menentangnya. Sebaliknya hendaklah kita berpura-pura beragama dan masuk ke dalam agamanya dan merosakkannya dari dalam secara halus.⁶⁸

Di antara kegiatan kumpulan ini ialah melantik seorang munafik bernama Abdullah bin Maimun al-Ahwazi⁶⁹ sebagai ketua untuk memimpin gerakan mereka. Beliau merupakan seorang yang amat tahu tentang agama Yahudi, pandai berfalsafah, pandai ilmu sihir, berharta dan berpengaruh di kalangan masyarakatnya. Menurut Ibnu al-Nadim, dari nama bapanya yang bernama Maimun maka lahir satu gerakan yang bernama Maimuniyah yang menyeru orang ramai mempertuhankan ⁶Ali bin Abi Talib k.w. Dia berpura-pura menjadi seorang ahli sufi yang warak dan sentiasa bergaul dengan orang Islam. Bila berada di kalangan ahli sunnah, beliau berpura-pura sebagai seorang yang kuat berpegang dengan ajaran Islam dan kuat beribadah. Bila berada di kalangan Syi'ah, beliau berpura-pura sebagai seorang Syi'ah yang kuat mendewa-dewakan Ali k.w dan *ahlul bait* serta mencerca sahabat-sahabat lain.⁷⁰

⁶⁸ Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, hal.29

⁶⁹ (Dlm. *Dakwah*, Ramadhan 1408/ Mei 1988, Oleh Hj. Mohamad Tahir Busu. Beliau juga terkenal sebagai ketua etisme yang berusaha bersungguh-sungguh menyelwengkan hadith untuk disebarluaskan kepada orang ramai. Gerakannya mempunyai tiga dasar utama, iaitu:

- 1) Etisme atau Mulhid (Tiada Tuhan)
- 2) Meruntuhkan akidah umat Islam.
- 3) Hidup bebas (Freelife)

⁷⁰ Abdulfatah, *Ajaran Sesat*, op.cit, hal: 30

Abdullah bin Maimun beredar dari satu tempat ke satu tempat yang lain di kota-kota Islam di Asia Barat pada masa itu. Banyaklah manusia yang terpengaruh dengannya. Lebih-lebih lagi golongan Syi'ah, kerana ajaran antara keduanya mempunyai persamaan dari segi takwilan. Biasanya apabila terbongkar ajarannya, beliau akan bersembunyi dan mlarikan diri.

Pengikut ajaran ini dikenali dengan berbagai-bagai nama, di antaranya *mulhid qaramitah* iaitu asal dan nama pengasasnya Qarmat bin al-Asyath di Iraq, *al-Batiniyah* dan *al-Qaramitah* di Khurasan, *al-Ta'limiyah*, *al-Malahidah*, *al-Maimuniyah* di Mesir, *al-Ubudiyah* di Syam, *al-Nusairiyah* dan *al-Duruz* di Palestin, *al-Bahai'yah* di India, *al-Buhrah* dan *Ismailiyyah* di Kurdi, *al-Alawiyah* di Turki, *al-Bakdasyiah* dan *al-Qazlabasyiah* di Ajam, *al-Baha'iyyah* di Yaman, *al-Yamiyah* dan berbagai lagi.

Pada masa sekarang ini, Batiniyah dilihat bertapak dan dianuti oleh puak Druz di Lubnan dan Syria, puak Ismailiyyah dan Buhrah di India dan Afrika Timur, dan bermacam-macam nama khususnya seperti yang dibincangkan di Alam Melayu.⁷¹

Penggunaan nama Batiniyah juga diperluas sampai keluar dari kalangan Islam. Al-Shahrastani menerangkan erti Batiniyah dengan menyatakan hubungannya dengan Ismailiyyah. Ianya juga meminjam beberapa perkara dari ahli falsafah.⁷²

⁷¹ Abdulfatah Haron, *Ajaran Sesat*, loc. cit, hal: 30

⁷² Prof. Dr. H. M. Rasjidi, op. cit, hal: 80

Ibnu 'Arabi juga telah menolak Batiniyah dalam kitabnya *Futuhat al-Makkiyyah* dengan mengatakan bahawa Batiniyah itu golongan yang sesat lagi menyesatkan, dan merujuk kepada Abu Hamid (Imam al-Ghazali) tentang menyatakan kesesatan itu. Menurut Ibnu 'Arabi;

"Dan muncullah golongan ketiga yang sesat lagi menyesatkan, mereka mengambil semua hukum syariat dan memalingkannya ke batin semuanya dan tiada tinggal hukum zahir syariat sama sekali, golongan tersebut namanya al-Batiniyah. Mereka ada bermacam-macam aliran. Imam Abu Hamid telah menolak pendapat mereka dalam kitabnya *al-Mustazhiri* dan menjelaskan di dalamnya tentang kesalahan mereka. Bahagia yang tiada tandingannya ialah bersama golongan yang menyatukan antara zahir dan batin. Mereka ialah golongan ulama' Billah dan menghayati segala hukum hakamnya".⁷³

Batiniyah mempunyai unsur-unsurnya yang tersendiri. Tiap-tiap benda zahir, syari'at dan ayat yang diturunkan ada batin atau terpendam di sebaliknya. Takwilan yang dilakukan ialah takwilan yang zahir (kulit sahaja) itu kepada yang batin (isi yang sebenar). Takwil ada dua jenis:

1. Dari kalimah kepada kalimah, seperti seksa 'belengu' dalam neraka ertinya seksa atau beban mengerjakan syari'at zahir. Belenggu ini diertikan sebagai beban. Neraka di sini diertikan sebagai taklif syari'at.
2. Takwilan bilangan dan pecahan huruf seperti ejaan Muhammad (ﷺ) empat huruf. Mim (م) ertinya kepala, Ha (ح) ertinya bahu dan tangan bila menghulur, Mim (م) kedua ertinya punggung dan Dal (د) ertinya kaki. Jadi, Muhammad ertinya manusia. Dengan ini bermakna tiap-tiap manusia itu Muhammad. Contoh lain rongga di kepala ada tujuh iaitu dua mata, dua telinga, satu mulut, dan

⁷³ Al-Ghazali, *Tahafut al-Falasifah*, Alih bahasa oleh Ahmadic Thaha, Pustaka Panjimas, Jakarta, 1986, hal: xv

dua lubang hidung. Kerana ayat dalam surah al-Fātiha ada tujuh, bumi tujuh lapis, langit tujuh lapis, hari dalam seminggu ada tujuh dan sebagainya.⁷⁴

Ianya mempunyai dasar-dasar pegangan yang utama, di antaranya;

1. Alam ini *qadim* dan ada yang mentadbirnya, iaitu Allah dan nafsu.
2. Imām (pemimpin) ditentukan melalui nas, bukannya melalui pemilihan, undian dan seumpamanya. Dia tidaklah melakukan dosa, samada kecil atau pun besar.
3. Mengkafirkkan orang yang melakukan perebutan dan rampasan kuasa dari imam.
4. Al-Quran mempunyai makna zahir dan batinnya. Hanya imam sahaja yang mengetahuinya kerana mereka mewarisi ilmu batin. Al-Quran mesti ditakwil kepada makna majaznya untuk mendapatkan makna yang dikehendaki.
5. Mereka tidak beramal dengan ilmu dan hadith, kecuali apa yang diriwayatkan oleh imam mereka sahaja.
6. Mereka menjadikan ahli-ahli falsafah sebagai nabi-nabi mereka yang khusus dan mereka jugalah yang menjadi syiar agama yang umum.
7. *Jannatul Na'im* ialah dunia. Manakala azab pula ialah kesibukan ahli-ahli syari'at mengerjakan ibadat seperti menunaikan solat, berpuasa dan sebagainya.
8. Mengingkari mukjizat para anbiya'.
9. Mengharuskan perkara-perkara yang haram seperti meminum arak, mengahwini anak sendiri dan adik beradik serta segala perkara-perkara yang melazatkan.

Walau bagaimana pun, dasar-dasar ini juga sentiasa ditambah-tambah mengikut peredaran zaman dan kesesuaian hawa nafsu mereka.⁷⁵

⁷⁴ Abdulfatah Haron, Ajarn Sesat, *Ibid*, hal: 66

⁷⁵ Hasan Ayub, *op. cit*, hal: 305

Golongan ini mendakwa bahawa mereka lahir orang-orang *ta'lim*. Keistimewaan mereka ialah memperolehi kebenaran (*al-haq*) daripada imam yang *ma'sum*.⁷⁶ Perbicaraan mereka terkadang bercampur aduk dengan percakapan falsafah. Aliran ini lahir pada pertengahan kurun ke-3. Mereka berpegang bahawa setiap yang zahir itu mempunyai makna batinnya dan semua yang diturunkan (al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w.) boleh di takwil, maka semua ayat al-Quran mesti ditafsir dan semua hadis mestilah ditakwil.⁷⁷

Abdul Rahman Hasan menyatakan bahawa golongan ini lahir dari suasana politik yang huru hara serta menghadapi banyak permasalahan tentang perselisihan yang berkaitan dengan hukum di dalam sejarah Islam. Daripada keadaan yang sedemikian,lahirlah kumpulan-kumpulan rahsia yang mempunyai unsur-unsur Parsi, Yahudi,, Nasrani dan sebagainya. Manakala menurut al-Dailami, seorang sejarawan Islam dalam bukunya '*Qawa'id Aqa'id Ali Muhammad al-Batiniyyah*' menyatakan tentang serangan yang dilakukan oleh Batiniyyah ke atas aqidah Islamiyyah. Mereka ialah suatu kaum yang berasal dari keturunan Majusi, falasifah, Yahudi dan sebagainya. Mereka pernah berkata, "Sesungguhnya Muhammad telah mengalahkan kami dan memusnahkan agama kami..."⁷⁸

⁷⁶ Al-Ghazali, *op. cit.*, hal: 14

⁷⁷ Imām Abi al-Fatḥ bin Abdul Karim al-Shahrastāni, *Al-Milal wal-Nihāl*, Dar al-Kutub Ilmiah, Beirut, 1992M, hal: 201

⁷⁸ Abdul Rahman Hasan al-Habannakah al-Maidāni, *Al-A'qidah Al-Islamiyyah wa Ususuhā*, Dar al-Qalam, Damsyik, 1992, hal: 601

2.3.3-Falsafah.

Terdiri dari ahli falsafah. Golongan ini menyangka mereka ahli *mantiq* (logik) dan *burhan* (pembuktian). Imam al-Ghazali menyangkal 3 kelompok dari golongan ini:

- 1) *Filosof Materialis (dahriyyun)*. Mereka ialah ethies yang tidak mempercayai adanya Allah dan alam ini terjadi dengan sendirinya secara semulajadi.
- 2) *Filosof Naturalis dan Deistik (tabi'iyyun)*. Mereka melakukan berbagai eksperimen terhadap makhluk seperti binatang dan tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Mereka kagum dengan keajaiban ciptaan tuhan dan menemui kebijaksanaan-Nya. Akan tetapi akhirnya mereka tidak mempercayai adanya Pencipta Yang Maha Bijaksana sehingga mereka tidak mempercayai adanya dosa dan pahala.
- 3) *Filosof Theis (ilahiyyun)*. Mereka ialah filosof-filosof Yunani seperti Socrates, Plato, Aristotle. Mereka menggunakan akal fikiran semata-mata untuk mencapai hakikat kebenaran. Mereka juga tidak terlepas dari mempertahankan kekuatan dan bid'ah.⁷⁹

Menurut Ibnu Rusyd, fungsi falsafah tidak lebih dari mengadakan penyelidikan tentang alam wujud dan melihatnya sebagai suatu wasilah untuk menemukan zat penciptanya. Al-Quran berkali-kali menggesa ke arah itu.

Firman Allah dalam surah al-A^raf ayat 185 yang berbunyi:

⁷⁹ Al-Ghazali, *op.cit*, hal: xi

أَوْلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلْكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ
مِنْ شَيْءٍ وَأَنَّ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَدِ افْتَرَبَ أَجَلُهُمْ فِي أَيِّ حَدِيثٍ

بَعْدَهُ دِيْنُمُنُونَ

Maksudnya: “Tidakkah mereka memerhatikan kerajaan di langit dan di bumi serta sesuatu yang dijadikan oleh Allah. Mudah-mudahan mereka menghampiri ajal mereka. Maka dengan perkataan apakah mereka akan beriman sesudah al-Quran ini” .

Firman Allah dalam surah al-Hasyr ayat 2 berbunyi:

فَاعْتَصِرُوا يَتَأْذِلُ الْأَبْصَرُ

Maksudnya: “Hendaklah kamu mengambil iktibar dengan membuat qiyas, wahai orang-orang yang mempunyai pandangan” (Surah al-Hasyr: 2)

Ayat terakhir menurutnya, jelas menunjukkan kepada kita tentang keharusan melakukan qias aqli dan qias syar’i. Iktibar dan nadzar yang dimaksudkan oleh kedua-dua ayat tersebut ialah pengambilan suatu hukum yang belum diketahui, maka ianyalah yang dikenali dengan qias aqli. Oleh yang demikian, penyelidikan yang bersifat falsafah menjadi suatu kewajiban bagi ahli-ahli falsafah terutamanya Ibnu Rusyd sendiri.⁸⁰

⁸⁰ Drs. Poerwantara, *op.cit*, hal:105.

2.4-JENIS-JENIS AJARAN SESAT

2.4.1-Ajaran baru atau bid'ah.

Kedua-dua perkataan ini merupakan sinonim jika dilihat dari sudut ilmu aqidah. Kedua-keduanya juga boleh menyebabkan individu tertentu terjerumus ke lembah kekufturan samada secara sedar atau sebaliknya. Mutakhir ini banyak pembaharuan yang dilakukan oleh golongan-golongan yang sesat di dalam ajaran mereka. Dakwaan mereka berlegar sekitar mengikut kesesuaian masa atau mendakwa bahawa mereka lah yang mengembalikan semula ajaran Islam yang sekian lama telah disembunyikan oleh para fuqaha' yang hanya melakukan ibadat secara zahir sahaja. Lantaran itu mereka mesti melakukan beberapa perubahan dan pembaharuan dari sudut amalan zahir untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.⁸¹

Bid'ah menurut bahasa diambil daripada perkataan *al-bida'* (البدع) yang membawa maksud mengada-adakan sesuatu yang tidak pernah ada contoh sebelumnya. Dalilnya ialah firman Allah Ta'āla dalam surah al-Baqarah, ayat 117:

بَدِيعُ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَى
امْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ وَكُنْ فَيَكُونُ


⁸¹ Dr. Salih ibn Fawzan Abdullah ibnu Fawzan, *Bid'ah; Konsep dan Pengertiannya*, terj. Baharuddin Ayudin, Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1994, hal. 1

Maksudnya: "Allah jualah yang telah menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya) dan apabila Dia menghendaki mengadakan sesuatu Dia berkata: Jadilah engkau, maka jadilah ia."

Maksudnya Allah menciptakan langit dan bumi tanpa ada contoh yang terdahulu sebelumnya. Maka apabila dikatakan ﴿ابْتَدَعَ فَلَنْ بَدَعَ﴾, maksudnya ialah si polan itu telah memulakan suatu jalan yang tidak pernah didahului oleh sesiapa pun sebelumnya.⁸²

Bid'ah yang berkaitan dengan ilmu dan ibadah itu umumnya terjadi di kalangan umat di sekitar akhir zaman pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin, sebagaimana yang diceritakan oleh baginda s.a.w. yang bermaksud: "Sesiapa di kalangan kamu yang masih hidup selepasku, maka dia akan melihat perselisihan yang banyak. Maka bagi kamu sunnahku dan sunnah Khulafa' ar-Rasyidin al-Mahdiyyin sesudahku".

Antara bid'ah yang awal ialah bid'ah *Qadariyyah*, bid'ah *Murji'ah*, bid'ah *Syfi'ah* dan bid'ah *Khawarij*. Ianya muncul pada kurun kedua dan belum wujud lagi pada masa itu penentangan terhadap bid'ah. Kemudiannya muncul bid'ah *Muftazilah* sehingga terjadinya fitnah. Kemudian muncul pula bid'ah *tasawuf* dan bid'ah membina binaan di atas kubur selepas tiga kurun pertama itu. Semakin lama, amalan bid'ah semakin bercambah, berkembang dan beranika jenis.⁸³

⁸² *Ibid*, hal: 2

⁸³ *Ibid*, hal: 11

Bid'ah muncul dari tempat-tempat yang penting dalam pemerintahan dan penyebaran Islam terutamanya tempat-tempat didiami oleh ramai para sahabat seperti Mekah, Madinah, Kufah, Basrah dan Syam. Darinya muncul ajaran tentang al-Quran, al-Hadith, fiqh dan ibadah serta lain-lain ilmu Islam. Bid'ah dan kemunculan awalnya sebagaimana berikut:

- a) Bid'ah *Usuliyyah* muncul di Madinah.
- b) Bid'ah *Sy'i'ah* dan *Murji'ah* muncul di Kufah.
- c) Bid'ah *Qadariyah*, *Murji'ah* dan ibadah fasiq muncul di Basrah.
- d) Bid'ah *an-Nasabiyyah* dan *Qadariyah* muncul di Syam.
- e) Bid'ah *Jahmiyah* muncul di Khurasan. Ianya telah menjadi seburuk-buruk bid'ah kerana lahir jauh dari *Darul Nabawiyyah*.
- f) Bid'ah *Haruriyyah* lahir dari perpecahan selepas pembunuhan Khalifah Uthman al-Affan.

Akhir sekali, kesemuanya menyeru ke arah kesesatan mereka secara berterang-terangan. Walau bagaimana pun, bid'ah secara terangan dan cergas agak sukar untuk memasuki kota Madinah yang sangat tinggi keilmuannya sehingga pada zaman Imam Malik iaitu pada kurun keempat Hijrah.⁸⁴

Terdapat beberapa bahagian dalam bid'ah, iaitu:

⁸⁴ *Ibid*, hal: 12-13.

Terdapat beberapa bahagian dalam bid'ah, iaitu:

I. Bid'ah (pembaharuan) dalam soal-soal adat.

Antara contohnya seperti reka cipta terkini. Bid'ah dalam bentuk adat begini hukumnya ialah harus, kerana segala adat itu asal hukumnya harus.⁸⁵

II. Bid'ah (pembaharuan) dalam soal-soal agama.

Hukumnya haram kerana semua bentuk ibadah itu bersifat *tawqifiyyah*, iaitu menurut sebagaimana perintah Allah dan segala contoh yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.. Banyak hadith-hadith yang disebutkan di dalam kitab *Misykat al-Masabih* tentang gesaan berpegang dengan kitab Allah dan Sunnah.⁸⁶ Sabda baginda:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أُمَّةٍ هَذَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ أَفْرَارٌ

Maksudnya: Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu perkara baru mengenai perintah kami (Nabi Muhammad s.a.w.) yang bukannya perintah kami, maka amalannya itu adalah tertolak.⁸⁷

Menurut riwayat yang lain:

مَنْ عَلَى عَمَالٍ لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرًا فَهُوَ أَفْرَارٌ

Maksudnya: Sesiapa yang mengamalkan sesuatu amalan, sedangkan ia bukan merupakan perintah kami, maka amalan tersebut adalah ditolak. (Hadith riwayat Muslim).⁸⁸

⁸⁴ *Ibid*, hal: 12-13.

⁸⁵ *Ibid*, hal: 2-3

⁸⁶ Sycikh al-Farrā' al-Baghāwī, *Misykat al-Masabih*, terj: Yunus Ali al-Mudhor, Jil. I, CV. Asy-Syifa', Semarang, 1993, hal:87

⁸⁷ Dr. Wabbah Zuhaili, *Syarhu Sahih Muslim*, Jld. 10, Dar al-Khair, Beirut, 1994M, hal: 379

⁸⁸ Imam Nawawi, *Riyadhus Salihin*, Jil. 1, Alih Bahasa; M. Abdai Rathomi, Pustaka Nasional PTE. LTD., Singapura, 1984, hal: 281

Menurut As-Sayyid Sulaiman an-Nadwi, bid'ah merupakan lawan kepada sunnah. Sunnah mengandungi hidayah, manakala bid'ah mengandungi *dhalalah*.⁸⁹ Sedangkan mutakhir ini banyak sekali ibadah yang diamalkan dengan tidak bersandarkan kepada dalil-dalil yang jelas, antaranya:

1) Menzahirkan lafaz niat bagi solat.

Ianya dikatakan sebagai bid'ah kerana tidak terdapat di dalam sunnah nabi s.a.w.

2) Zikir secara berjemaah selepas solat.

Menurut syara^o, setiap orang hendaklah menyebutkan zikir-zikir yang warid secara bersendirian. Walau bagaimana pun ianya tidak boleh ditolak secara membabi buta kerana ianya dilakukan dengan niat menzahirkan, mengajar dan mengajak orang awam melakukan ibadah bagi menjinakkan hati-hati mereka.

3) Meminta supaya membaca al-Fātiyah.

Ianya berlaku di majlis-majlis tertentu. Sesudah berdoa, lalu diminta supaya dibacakan al-Fātiyah untuk dihadiahkan kepada orang-orang yang telah meninggal dunia.

4) Mengadakan majlis kenduri arwah.

Ianya sering dilakukan ke atas orang yang telah mati, menyediakan makanan dan sesetengahnya sehingga mengupah orang membaca al-Quran dan sebagainya. Selain dari itu, ada juga yang menetapkan majlis tahlil pada malam-malam tertentu seperti malam ke

⁸⁹ As-Sayyid Sulaiman an-Nadwi, Asy-Syekh Muh. Nasiruddin al-Albani, Al-Allamah Mufti Abd. Aziz al-Baazi, Alih Bah. Abdullah al-Qari b. Hj. Salleh, Pustaka Angkatan Sayap Islam (ASA), Kenali, Kelantan, 1986, hal: 48

tujuh, malam ke empat puluh dan sebagainya. Akibat daripadanya, ramai dari anggota masyarakat yang kurang berupaya merasa terbeban kerana terpaksa menyediakan makanan, jamuan dan seumpamanya pada majlis-majlis tahlil yang diadakan.⁹⁰

5) Mengadakan perayaan keagamaan.

Banyak diamalkan di negara kita sendiri seperti perayaan menyambut Isra' dan Mi^{raj}, sambutan Ma^{al} Hijrah, sambutan *Mawlidul Rasul* dan sebagainya lagi yang berkaitan dengan hari-hari kebesaran dalam Islam tetapi tidak pernah diadakan seumpama itu semasa hayat baginda s.a.w. Selain dari yang disebutkan di sini, banyak lagi unsur-unsur bid^ah yang terus berlangsung dalam masyarakat kita sehingga ke hari ini.⁹¹

2.4.2-Ajaran Wahdatul Wujud.

Ianya kembali kepada Plato dan Aristotle. Plato berusaha menghubungkan antara alam azali dengan alam lahir atau alam rohani dan alam meterial atau seumpamanya dengan menggunakan teori ‘ide’ yang mengatakan adanya dua wujud. Iaitu suatu yang menjadi ‘pokok’ dan ‘bayangan’. Manakala Aristotle dalam metafiziknya juga cuba untuk menghubungkan antara keduanya serta cuba untuk mengatasi kekurangan yang terdapat dalam teori Plato. Beliau menggunakan teori *form and matter* yang mengatakan bahawa *form* yang murni (pure form) diambil dari *matter* yang murni (pure matter). Atau dengan menggambarkan ‘wujud yang ajaib’ dengan ‘wujud yang mungkin’. Dalam pada itu, ada juga penggambaran tentang wujud yang berdiri dengan sendirinya dan wujud

⁹⁰ Dr. Salih Ibnu Fawzan, *op.cit* , hal: 39-40

⁹¹ *Ibid* , hal: 40

yang tidak berdiri dengan sendirinya dan yang terkenal dengan *alam mumkin*. Maka apabila dia mengaitkan wujud yang murni dengan wujud yang mumkin (alam zahir) bererti dia menghubungkan dua kewujudan. Iaitu adanya wujud yang sempurna (tuhan) dan wujudnya alam lain yang memerlukannya (alam sempurna). Oleh yang demikian, sebagai kesimpulannya, wujud yang sempurna itu akan menarik wujud yang berhajat kepadanya. Maka yang pertama menggerakkan yang kedua (tidak bergerak dengan sendirinya). Bila pokok bergerak, bayangnya pun turut bergerak. Bila pokok (wujud sempurna) iaitu tuhan itu qadim, maka bayangnya (wujud yang berhajat) iaitu alam zahir pun turut qadim.⁹²

Kemudian datangnya Plotinus untuk mengaitkan semula antara kedua-duanya iaitu dengan menggunakan istilah ‘wujud tertinggi’ dan ‘wujud terendah’. Di samping itu terdapat wujud-wujud yang lain. Menurut Plotinus, wujud itu ada empat kesemuanya. Iaitu Wujud Pertama (*al-Awwal*), Akal (*nous*), Jiwa Alam (*an-nafsul kulliyah-first soul*) dan Wujud Material (*al-maddah*).⁹³

Fahaman *Wahdatul wujud*⁹⁴ juga telah tersebar ke Nusantara. Di antara ‘ulama’ yang dikenal pasti terlibat secara langsung menyebarkannya ialah seorang ahli sastera

⁹² Drs. Poerwantana, *op.cit.*, hal: 77

⁹³ *Ibid*, hal: 78

⁹⁴ Fahaman *Wahdatul Wujud* membawa dua maksud, iaitu yang benar dan yang kufur (sebagaimana yang ditakrifkan oleh para ulama sufi yang tidak senang bila mereka dianggap sesat oleh sesetengah ulama’ lain). Oleh yang demikian, golongan yang mendokong fahaman wahdatul wujud ini juga terbahagi kepada dua, iaitu;

- 1) Golongan yang menganggap Tuhan bersatu dengan makhluk dan tidak ada sesuatu dalam kewujudan ini melainkan tuhan. Kesemuanya tuhan dan tiada selain darinya. Fahaman inilah yang dihukumkan kufur oleh para ulama’ sufi dan ianya lebih sesat dari Yahudi, Nasrani dan penyembah-penyembah berhalia.
- 2) Golongan yang beritiqad bahawa Wahdatul Wujud itu ialah tuhan yang tunggal, esa dan sedia kala adanya. Tidak berbilang-bilang dan bukannya wujud yang baru. Wujud-Nya bersalah dengan wujud alam ini kerana wujud alam ini hanyalah *majazi*. Ianya bersifat sementara, baru dan akan musnah. Malah ianya dijaga oleh kuasa

dan ulama yang terkenal iaitu Hamzah Fansuri.⁹⁵ Pengaruh ajarannya tersebar hingga ke Tanah Melayu, Tanah Jawa dan Kalimantan. Pemikirannya juga banyak dipengaruhi oleh al-Junaid, al-Hallaj dan Jalaluddin Rumi.

Di antara karangan-karangannya ialah *Syair Perahu*, *Syair Burung Pingai*, *Syair Dagang*, *Asrarul Arifin*, *Zainul Muwahhidin* yang disebut juga sebagai *Syarabul Asyiqin*. Pendapat dan pandangan beliau dalam bidang ketuhanan bertentangan dengan pegangan Nuruddin al-Raniri. Beliau telah terkenal sebagai penyair ketuhanan. Fahaman wujudiahnya mempercayai bahawa wujud yang sesungguhnya ialah wujud tuhan. Manusia berasal dari pancaran Tuhan. Manusia berupa bayangan sifat Tuhan. Sifat tidak dapat dipisahkan dari wujud. Fahaman ini meyakini kesatuan wujud manusia dengan wujud Tuhan.⁹⁶

Manakala Syamsuddin al-Sumaterani⁹⁷ merupakan pengikut dan murid kanan Hamzah Fansuri. Banyak hasil karangan beliau telah dibakar di atas desakan Nuruddin al-Raniri. Di antara buku-bukunya yang turut dibakar ialah *Miratul Mukminin* yang membicarakan sifat Tuhan, kenabian, wahyu dan hari kiamat. Buku ini terdapat dalam bahasa Melayu dan Sunda. Bukunya yang bertajuk *Miratul Muhaqqiqin* membicarakan tentang makrifat dan zikir.⁹⁸

tertinggi yang tiada sekutu bagi-Nya. Sesungguhnya mereka golongan ahli Sufi yang sebenarnya dengan menjalankan segala syariat Allah s.w.t walaupun kian tenggelam dalam lautan tauhid yang tak bertepian.

⁹⁵ Buku-bukunya dimusnahkan oleh Raja Aceh selepas beliau meninggal dunia. Beliau juga merupakan seorang ahli sufi dan sasterawan yang terkenal dan berasal dari Barus, pantai barat Sumatera Utara. Beliau telah mengembarnya ke Padang, Banten, Kudus, Shan Nawi (Siam) dan Mekah.

⁹⁶ H.O.K Rahmat S.H., *op.cit*, hal: 51

⁹⁷ Berasal dari Pasai, Aceh. Beliau hidup di awal abad ke-17, seorang u'lamah, sufi, pengarang dan negarawan pada masa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1639M) berkuasa di Aceh.

⁹⁸ H.O.K Rahmat S.H., *op.cit*, hal: 50-53

Menurut Abdulfatah Haron, fahaman yang dibawa oleh Hamzah mirip dengan I'tiqad Hindu-Budha⁹⁹, Platonisme dan Neoplatonisme yang mengatakan alam ini qadim. Kerana tiada yang keluar dari yang qadim melainkan qadim juga.¹⁰⁰

Pernah dikatakan bahawa Hamzah dipengaruhi oleh pemikiran Ibnu 'Arabi, seorang tokoh tasawuf aliran wahdatul wujud (pantheisme) dan sepanyol. Di samping itu Hamzah juga banyak mengikuti fahaman al-Hallāj dan Junaid. Mereka tetap diresapi pengaruh Hindu-Buddha. Setelah penerimaan Islam, ianya telah disesuaikan pula dengan fahaman tasawuf *Wahdatul Wujud*.¹⁰¹

2.4.3 -Kepercayaan dan amalan kuno.

Berpandukan sudut persejarahan, kepercayaan asal penduduk Nusantara secara umumnya ialah Dinamisme-Animisme.¹⁰² Ada juga kepercayaan kepada tuhan yang sangat samar dari sudut kebenaran dan sumbernya. Contohnya orang Batak yang mempercayai adanya tuhan dunia atas (*Tuan Bubi Na Bolon*), tuhan dunia tengah (*Ompo Silaon Na Bolon*), Tuhan dunia bawah, tuhan laut dan tuhan kilat yang disebut sebagai *Tuan Pane Na Bolon*.¹⁰³

⁹⁹ Pantheism warisan Hindu-Budha yang melihat adanya kesatuan antara 'Kawula Ian Gusti' atau antara hamba dengan tuhan itu masih tetap bertahan dengan gagalnya.. Setelah penerimaan Islam, ianya telah disesuaikan pula dengan fahaman tasawuf *Wahdatul Wujud* yang melihat kesatuan wujud antara Tuhan dan makhluk. Maka Tuhan tidak berbeza lagi dengan makhluk

¹⁰⁰ Abdulfatah Haron, *Ajaran Sesat*, op. cit, hal: 64-65

¹⁰¹ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Penerbit Pena Sdn. Bhd., 1989, hal: 3

¹⁰² Mereka mempercayai adanya kuasa, semangat dan roh yang mempengaruhi kehidupan scharian mereka.

¹⁰³ Lihat *The Structure of The Batak Belief in The High God*, hal: 29, 35 dan 194.

Setelah mengalami beberapa proses peredaran masa dan perkembangan ke arah yang lebih maju. Pergaulan dan percampuran di atas dasar perdagangan telah terjalin. Walau bagaimana pun, perbezaan kepercayaan agak ketara apabila berhadapan dengan para pedagang yang datang dari Tanah Arab seperti Parsi, Turki dan sebagainya kerana mereka merupakan penganut agama Islam. Lama kelamaan, penduduk Nusantara lebih serasi dengan kebudayaan Islam yang mempunyai nilai-nilai murni dan kehalusan tindakan. Islam telah berkembang tanpa ada pertumpahan darah dan pada dasarnya tidak mengubah kebudayaan asal Nusantara. Pengaruh Hindu dan Islam telah melenyapkan animisme yang dipercayai selama ini. Keduanya merupakan kebudayaan yang banyak mempengaruhi aspek kehidupan di Nusantara sehinggalah datangnya pengaruh Barat yang membawa Kristian. Oleh yang demikianlah pengaruh-pengaruh tersebut kita dapat wujud di Nusantara.¹⁰⁴

Walau bagaimana pun, kepercayaan masyarakat setempat terhadap pegangan yang sekian lama menjadi warisan turun temurun amat sukar dibersihkan secara keseluruhan. Masih ramai yang terus mengamalkan amalan-amalan kuno warisan nenek moyang mereka yang penuh dengan perkara-perkara khurafat dan syirik. Lebih sukar lagi apabila mereka menganggap ianya sudah menjadi adat kebiasaan bahkan menganggap ianya tidak ada kaitan dengan sentimen beragama. Masyarakat di sesetengah tempat masih mempercayai pokok-pokok besar yang boleh mendatang bala bencana jika tidak didatangkan persembahan pada masa-masa dan waktu tertentu. Upacara ‘menjamu’ juga

¹⁰⁴ *Ibid*, hal: 5-6.

dianggap suatu upacara penyelamat dari gangguan atau dianggap sebagai majlis perdamaian.¹⁰⁵

Dinamisme¹⁰⁶

Menurut H.O.K. Rahmat S.H., dinamisme (Animatisme) telah menguasai masyarakat Nusantara sejak sekian lama. Mengikut istilah antropologi, ianya disebut *mana*, iaitu perkataan yang berasal dari bahasa Malenesia Polinesia. Ianya bererti kuasa luar biasa yang dimiliki oleh seseorang. Misalnya seorang lelaki yang gagah berani, seorang perempuan yang elok tenunannya, tokoh-tokoh tertentu yang digeruni dan dihormati dikatakan mempunyai banyak *mana*.¹⁰⁷

Dalam upacara tepung tawar kelihatan unsur *tafa'ul* iaitu harapan baik atau doa dengan perbuatan. Di Malaysia dewasa ini, kebanyakan adat menepung tawar telah diubah kepada upacara merenjis dengan air tawar. Tetapi ramai juga yang tertarik dengan mengemukakan persoalan bagaimana kedudukan hukumnya di dalam Islam?

Menjadi adat bagi orang Jawa, wanita yang hamil anak sulung, pada umur kandungannya tujuh bulan dimandikan dengan air tujuh telaga. Begitu juga orang Hindu berusaha untuk mandi di sungai Gangga pada setiap tahun dengan kepercayaan mereka bahawa akan terhapuslah segala dosa mereka samada zahir atau batin. Manakala bagi orang Polinesia, bagi membuktikan seseorang itu tidak bersalah, ia disuruh berjalan di

¹⁰⁵ *Ibid*, hal: 8

¹⁰⁶ Menurut H.O.K. Rahmat S.H., dinamisme (Animatisme) ialah kepercayaan adanya tenaga yang tidak berperibadi dalam diri manusia, haiwan, tumbuhan-tumbuhan, benda-benda, dalam kata-kata yang diucapkan, dalam tanda-tanda yang dirakamkan, dan sebagainya.

¹⁰⁷ H.O.K Rahmat S.H, *op.cit*, hal: 8-9

atas bara api. Manakala menurut adat orang Bali, api digunakan untuk membakar mayat bagi membersihkan dosa si mati. Sedangkan bagi penganut agama Parsi (Zarathustra) dilarang membakar mayat, kerana bagi mereka api ialah sesuatu yang suci sedangkan mayat itu sesuatu yang kotor. Lantaran itu mereka membiarkan saja mayat dimakan oleh burung-burung.¹⁰⁸

Contoh Dinamisme yang terdapat dalam kaum Jawa hampir sama dengan amalan masyarakat Malaysia pada suatu masa dulu ialah menganggap pokok beringin sebagai pokok yang memberi kebaikan kepada manusia. Begitu juga ketika mendirikan rumah, digantungnya buah kundur, kelapa dan pisang supaya mendatangkan kebaikan. Berbagai-bagi objek lain lagi yang dianggap dapat mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan terhadap mereka. Batu tertentu juga dianggap mempunyai kuasa luar biasa, lantas ianya dibeli orang walau pun dengan harga yang mahal.¹⁰⁹

Azimat yang disebut dalam istilah antropologi sebagai *amulet* dan *fetis* ialah suatu benda yang dipercayai mempunyai kuasa menahan bahaya, malapetaka dan sebagainya kepada pemakainya. Kadang kala azimat dibungkus dengan kain kuning yang mempunyai erti kesaktian dan kebesaran. Ada juga yang dililit dengan benang tujuh warna. Al-Quran juga tidak terlepas dari dieksplorasi bagi menguatkan azimat yang dibuat. Dalam masyarakat melayu, azimat dililit di pinggang, lengan dan leher

¹⁰⁸ *Ibid*, hal:14

¹⁰⁹ H.O.K Rahmat S.H, *loc.cit*, hal:14

sebagaimana dilakukan kepada bayi yang baru lahir. Azimat dipercayai hanya melindungi pemakainya sahaja.¹¹⁰

Animisme¹¹¹

Animisme biasanya akan menimbulkan religis, iaitu pemujaan dan perhambaan diri kepada sesuatu kuasa yang berperibadi, kerana orang merasa terikat kepadanya dan dapat mendatangkan nasib baik dan nasib buruk kepada manusia.

Menurut kepercayaan, roh manusia boleh berpisah dari jasad. Dalam mimpi orang percaya bahawa roh mengembara. Dalam bayangan kaca juga kelihatan nyawa manusia. Pemikiran sebegini telah di perlanjutkan oleh golongan primitif sehingga benda-benda juga mempunyai nyawa dan roh.

Orang Mentawai mempercayai adanya semangat bagi setiap manusia yang hidup. Seseorang akan jatuh sakit bila semangatnya lemah. Ia juga akan mati jika semangatnya meninggalkan tubuh. Tetapi ianya mengembara semasa tidur.¹¹²

Terdapat juga dari kalangan manusia kuno yang percaya bahawa roh boleh berpindah ke dalam tubuh binatang. Para pengkaji dan penyelidik lebih cenderung mengatakan ianya sedia wujud sebelum Hindu lagi. Menurut mereka, roh itu berbentuk sebagaimana manusia juga. Namun, kadang-kadang ianya dapat merupakan diri sebagai

¹¹⁰ *Ibid*, hal: 15

¹¹¹ 'Animisme' berasal dari bahasa latin 'anima' yang bermakna 'roh'. Animisme ialah kepercayaan tentang adanya jiwa dan roh yang dapat mempengaruhi kehidupan alam manusia.

¹¹² H.O.K. Rahmat S.H, *op.cit*, hal:19

kunang-kunang, burung atau lainnya. Walau bagaimana pun pada suatu peringkat kepercayaan, masyarakat telah mengangkat darjat kepercayaan ini sehingga menyucikan dan mempertuhankannya kerana berpegang bahawa ianya boleh mendatangkan kebaikan dan keburukan.¹¹³

Sihir dan pemujaan.

Sihir ialah penguasaan terhadap tenaga ghaib dan tindakan tertentu. Manakala pemujaan merupakan tanda perhambaan dan mengharapkan perlindungan atau meminta sesuatu daripadanya. Antara sihir dan pemujaan terdapat ikatan erat kerana kedua-duanya berhubung dengan kuasa ghaib. Misalnya apabila manusia mahu menggunakan kuasa ghaib untuk kepentingan dirinya, ada kalanya mereka melakukan sihir, dan ada kalanya mereka melakukan pemujaan. Keduanya juga boleh dilakukan serentak.¹¹⁴

Walau bagaimana pun, terdapat juga perbezaan yang amat ketara antara keduanya. Pemujaan membawa kepada perhambaan. Manakala manusia mahu kepada kekuasaan dan kehebatan pula dipanggil sihir. Ianya nyata apabila seseorang itu mahu menguasai nasibnya atau nasib orang lain melalui cara mempengaruhi alam ghaib. Maka tentulah bacaan atau seraphah bagi pemujaan berbeza dengan seraphah bagi sihir. Pengorbanan juga ada yang bersifat pemujaan dan ada yang bersifat untuk mendapatkan kukuasaan dan tenaga tertentu untuk mempengaruhi makhluk atau manusia lain. Untuk melaksanakan upacara pemujaan-sihir ini, ianya memerlukan hari-hari tertentu bagi memudahkan munculnya kuasa yang dikehendaki, atau pada hari-hari tertentu pemujaan

¹¹³ *Ibid*, hal:21-22

¹¹⁴ *Ibid*, hal: 24

ternyata lebih khusus^c, misalnya pada hari dan malam Jumaat. Dikatakan pada malam Jumaatlah masyarakat sering tercium bau kemenyan dan setanggi yang dibakar oleh para pengamalnya.¹¹⁵

Sihir melalui pemujaan terlebih dahulu mempunyai dua jenis iaitu sihir yang bersifat analogis dan yang bersifat imitatif. Analogis ditimbulkan dengan mempengaruhi alam melalui perbuatan yang menimbulkan suasana atau perasaan yang diperlukan dalam keadaan yang sebenarnya. Manakala Imitatif pula berdasarkan peniruan terhadap sesuatu perbuatan. Ianya dipercayai menimbulkan kesan yang sama dengan perbuatan sebenarnya seperti menikan jantung pisang dengan pisau boleh menyebabkan kematian seseorang akibat jantungnya ditikam juga, atau menimbulkan rasa memulas pada perut jika seseorang yang mempunyai sihir itu menyimpul atau memulas seutas tali.¹¹⁶

2.4.4-Anti Hadith.

Bagi individu yang memiliki keimanan yang teguh, anti hadith atau *inkarusunnah* merupakan sesuatu yang mustahil. Pernah berlaku di zaman sahabat yang kurang memerhatikan sunnah sebagai sumber hukum. Firman Allah s.a.w. dalam surah al-Hasyr ayat 7 berbunyi:

وَمَا عَلِمْتُكُمْ أَرْسَلْتُكُمْ فَخُذُوهُ وَمَا تَهْنِكُمْ عَنْهُ
فَإِنَّهُمْ هُوَ الظَّالِمُونَ إِنَّ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

¹¹⁵ *Ibid*, hal:25

¹¹⁶ *Ibid*, hal:26

Maksudnya: "Apa yang dibawa oleh Rasul(Muhammad) maka hendaklah kamu ambil, dan apa yang dilarang daripada kamu, maka tinggalkanlah".

Sabda baginda s.a.w.:

ذاق طعم الإيمان من حني بالله ربها وبالإسلام ديناً وبحمد رسوله

Maksudnya: "Pasti akan merasai kelazatan iman bagi orang yang benar-benar rela menjadikan Allah sebagai Tuhananya, Islam sebagai agamanya, dan Muhammad sebagai rasulnya". (Riwayat Muslim).¹¹⁷

Menurut al-Hasan, ketika Imrān bin Hussain menyampaikan hadith serta pengajarannya terdapat seorang sahabat yang meminta supaya tidak perlu lagi diajarkan hadith. Cukuplah sekadar al-Quran yang telah lengkap. Lalu Imran menjawab: "Kamu dan sahabat-sahabatmu boleh membaca al-Quran, bolehkah kamu mengajarkan kepadaku cara-cara solat atau zakat dan syarat-syaratnya. Padahal Rasulullah telah mewajibkan zakat begini begini". Lalu sahabatnya berkata: "Terima kasih, saya baru sedar". Kemudiannya dia telah menjadi seorang ahli feqh yang terkenal.¹¹⁸

Menurut Dr. Yusuf al-Qardhawi, *Muftazilah* telah menyimpang terlalu jauh kerana mereka secara totalnya menolak hadith sahih. Mereka meyakini bahawa mereka tidak akan masuk ke neraka atau mereka hanya masuk untuk sebentar sahaja dan kemudiannya terus ke syurga. Mereka juga ingkar pada kelebihan yang dikurniakan oleh

¹¹⁷ Syeikh al-Farra' al-Baghawi, *op.cit*, hal: 5

¹¹⁸ Prof. Dr. M. M. Azami, *Hadith Nabawi dan Sejarah Kondisifkasinya*, PT Pustaka Firdaus, Jakarta, 1994, hal: 41.

Allah kepada kaum kerabat Nabi s.a.w serta para sahabatnya. Mereka mengutamakan ancaman ke atas janji, keadilan ke atas rahmat, akal ke atas naql lalu mereka menolak hadith. Bertitik tolak dari tuduhan mereka yang mengatakan hadith bertentangan dengan al-Quran yang menafikan kelayakan orang-orang yang layak memberi syafa'at.¹¹⁹

Manakala Syi'ah pula menurut Prof. Dr. M. M. Azami terdiri dari berbagai-bagai kelompok yang sering mengkafirkan antara satu sama lain. Mereka juga menganggap majoriti sahabat telah murtad selepas kewafatan Nabi s.a.w., kecuali sekitar tiga belas orang sahaja yang terselamat dari kemurtadan. Walau bagaimana pun menurut beliau lagi, sejak zaman sahabat lagi terdapat beberapa kelompok manusia yang menolak hadith, tetapi lenyap selewat-lewatnya pada akhir abad ketiga Hijrah. Muncul semula pada abad ketiga Hijrah yang lalu, akibat pengaruh penjajahan Barat.¹²⁰

Gerakan Anti-Hadith lahir semula akhir-akhir ini disebabkan penjajahan Barat secara besar-besaran. Peringkat awalnya mereka menghasut umat Islam supaya menentangnya pada bahagian-bahagian tertentu sahaja, terutamanya hadith-hadith tentang jihad. Mereka berjaya menanamkan rasa kebencian yang kuat dalam hati umat Islam yang lemah iman dan pegangannya.¹²¹ Di antara perkara-perkara yang diingkari ialah:

¹¹⁹ Dr. Yusuf al-Qardhawi, *Bagaimana Kita Bersikap Terhadap Sunnah*, Terj: Kathur Suhardi, CV. Pustaka Mantiq, Solo, 1990, hal: 134-136

¹²⁰ Azami, *op.cit*, hal: 44-45

¹²¹ *Ibid*, hal: 50

i. Agama yang berlandaskan kepada hadith akan menyebabkan ialah tidak tetap. Mereka

الْمَ ① ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ②

berlandaskan ayat 1-2 surah al-Baqarah:

Maksudnya: “*Alif Lam Mim. Itulah kitab (al-Quran) yang tidak mengandungi apa-apakah keraguan padanya*”.

Mereka juga berhujah dengan firman Allah dalam surah al-Fātir ayat 31 yang berbunyi:

وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقاً لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ إِنَّ اللَّهَ
بِعِبَادِهِ لَخَبِيرٌ بِتَصْيِيرٍ ③

Maksudnya: “*Dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu iaitu al-Kitab (al-Quran), itulah yang benar, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Melihat hamba-hamba-Nya*” .

Firman Allah lagi dalam surah al-An'am ayat 148:

إِن تَشْبِعُونَ إِلَّا لَظْنُ وَإِنْ أَنْشَمْ إِلَّا شَخْرُ صُونَ ④

Maksudnya: "Tidaklah kamu mengikuti melainkan persangkaan belaka, dan kamu tidak lain hanyalah pendusta".

Firman Allah dalam surah an-Najm ayat 28:

وَإِنَّ الظُّنُنَ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ



Maksudnya: "Sedangkan persangkaan tidak mendatangkan faedah sedikit pun terhadap kebenaran".

ii. Dalam syariat Islam tidak ada dalil yang lain kecuali al-Quran. Allah berfirman dalam surah al-An'am ayat 38:

مَا

فَرَأَطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَرْءِ شَمَاءِ إِلَى رَبِّهِمْ يُخْشَرُونَ

Maksudnya: "Tidaklah Kami alpakan sesuatu pun dalam al-Kitab(al-Quran), kemudian kepada Tuhan mereka dikembalikan".

Menurut mereka, apabila kita mengatakan al-Quran itu memerlukan penjelasan bererti secara tegas kita mendustai al-Quran dan mengakui kekurangan padanya.

iii. Al-Quran tidak lagi memerlukan penjelasan, sebaliknya ia yang menjadi penjelasan bagi segala hal. Firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 89:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ قِبِيلًا لِكُلِّ شَرٍّ وَهُدًى وَرَحْمَةً

وَبُشِّرَى لِلْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: “*Dan Kami turunkan kepada mu al-Kitab (al-Quran) sebagai penjelasan terhadap segala hal. Ianya sebagai petunjuk, rahmat dan berita gembira bagi kaum Muslimin*”.

Firman Allah lagi dalam surah al-An'am ayat 114:

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا

Maksudnya: “*Dan Dia-lah yang menurunkan al-Quran kepadamu dengan terperinci*”.

Ayat-ayat inlah yang diguna pakai oleh golongan anti-hadith secara keseluruhannya dari dulu hingga sekarang tanpa mempedulikan perbincangan para ‘ulama’ mengenainya. Apa yang mereka yakini ialah ‘al-Quran sudah sempurna’.¹²²

¹²² *Ibid*, hal: 54

Dalam penentangan lain lain, mereka telah berhujah dengan mengatakan bahawa al-Quran sajalah yang menjadi sumber hukum yang utama kerana ianya dijamin oleh Allah sendiri. Rasulullah s.a.w. sendiri amat menitik beratkan penjagaan ayat-ayat yang turun walau di mana sahaja. Berbeza dengan hadith, Rasulullah pernah memerintahkan supaya tulisan-tulisan hadith dibakar. Mereka juga berhujah dengan perbuatan Abu Bakar dan Umar r.a. yang pernah memerintah gabenor setiap negeri membakar naskhah-naskhah hadith, bahkan pernah menahan beberapa orang sahabat yang meriwayatkan hadith. Argumen inilah yang telah dipakai oleh Rasyid Ridha, Taufiq Sidqi, Abu Rayyah serta golongan anti-hadith di Pakistan. Mereka berpendapat bahawa tidak mungkin hadith disebut sebagai wahyu, sebabnya jika begitu nescaya Allah akan memeliharanya sebagaimana Allah memelihara al-Quran.¹²³

Firman Allah dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْكِتَابَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ﴿١﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan sesungguhnya Kamilah yang menjaganya".

Terdapat golongan anti hadith yang menamakan diri mereka sebagai 'Qur'aniiyyin'. Mereka sewenangnya mentafsirkan al-Quran mengikut akal dan hawa nafsu mereka tanpa mengambil kira penjelasan dan keterangan dari hadith. Dalam masa

¹²³ Ibid, hal.54

yang sama mereka menggunakan hadith untuk kepentingan teretntu bagi mereka dan memilih manakah yang sesuai dengan kehendak hawa nafsu mereka.¹²⁴

Sabda baginda s.a.w:

لَا أَنْهِنَ أَحَدَكُمْ مِنْكُمْ عَلَى أَنْ يَكْتَدِي بِأَقْرَبِهِ الْأَمْرِ مِنْ أَمْرِ
مَا أَمْرَتْ بِهِ أَوْ نَهَى عَنْهُ، فَيَقُولُ :
لَا أَدْرِي مَا وَجَدْنَا فِي كِتَابِ اللَّهِ ابْتَعْنَاهُ .

Maksudnya:

"Tidaklah aku dapati seseorang dari kamu yang bersandar di atas kerusi panjangnya yang datang kepadanya suatu urusan (agama) ku daripada perkara-perkar yang aku suruh melakukannya, atau perkara yang aku tegah dari melakukannya, tiba-tiba dia berkata: "Aku tidak mengetahui (tidak peduli), apa yang kami dapati dari kitab Allah, maka itu sahaja yang kami ikut."¹²⁵

Golongan orientalis¹²⁶ juga telah memainkan peranan penting dalam memerangi hadith dan sunnah. Mereka melakukan gerakan anti hadith dalam keadaan yang tidak disedari oleh masyarakat Islam yang jauh dari pendidikan Islam yang sebenar. Dalam masalah ini, orientalis telah menyebarkan pendapat mereka tentang hadith. Begitulah penyelewengan

¹²⁴ As-Sayyid Sulaiman, *op.cit*, hal: 66-67

¹²⁵ *Ibid*, hal: 67

¹²⁶ Gerakan orientalis berusaha menyelewengkan hadith dan mengingkarinya. Orientalis Barat telah menjadi rujukan utama bagi kumpulan Anti Hadith di Malaysia yang diketuai oleh Kassim Ahmad. Beliau telah merujuk kepada buku-buku karangan Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht untuk menolak hadith di Malaysia. Kumpulan Anti Hadith Malaysia bernaung dibawah Persatuan Jemaah al-Quran Malaysia (JAM), lihat *Penjelasan Terhadap Fahaman Anti Hadith*, terbitan Bah. Hal Ehwal Islam, JPM, 1995, hal: 53-55.

yang berlaku mutakhir ini disebabkan pandangan berkecamuk. Orientalis Barat yang diterajui oleh Golziher¹²⁷ dan Joseph Schacht¹²⁸.

Menurut panel Penyelidik Hadith Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), di antara pandangan golongan anti hadith terhadap hadith dan sunnah ialah seperti berikut:

1. Hadith-hadith yang dikumpul oleh para *muhaddithin* (Bukhari, Muslim, Tirmizi, Abu Daud, Ibnu Majah dan an-Nasa'ie) tidak lebih dari pendapat mereka sendiri dan dianggap sebagai hadith sahih. Sedangkan ukuran kesahihan itu berubah-ubah kerana ianya berupa tekaan dan agakan terhadap ucapan Nabi s.a.w. Oleh yang demikian, manusia tidak akan selamat dari kesilapan dan kesesatan.
2. Al-Quran telah lengkap dan tidak lagi memerlukan hadith. Hadith lahir akibat dorongan gerakan intelektual yang menyebelahinya.

¹²⁷ Golziher dan Schacht dikatakan dua orang tokoh orientalis yang paling berpengetahuan dalam bidang hadith. Antara karangannya yang terkenal di kalangan orientalis dan sarjana Barat ialah *Mohammedanische Studien, History of The Classical Arabic* dan lain-lainnya. Beliau banyak menulis tentang period Umaiyyah dengan mengatakan di antara faktor keruntuhan kerajaan dan pendidikan di zaman Umaiyyah ialah disebabkan kebodohan tentang ajaran Islam, akidah yang lemah, Islam tidak mampu mencipta peraturan yang lengkap dan sebagaimana lagi.

-Prof. Dr. Goldziher dilahirkan di Hungari sekitar tahun 1850 dan meninggal sekitar 1921. Beliau berketurunan Yahudi tulen dan kedua ibu bapanya bekerja sebagai tukang emas di Hungari juga beragama Yahudi. Pada usianya 19 tahun, beliau telah dilantik menjadi Doktor dalam bidang Islamologi di Jerman di bawah bimbingan Prof. Rodiger. Beliau mendapat biasiswa untuk belajar di Universiti al-Azhar pada 1873 hingga 1974 untuk mendalami ilmu Islam. Beliau berpura memluak Islam untuk menghancurkan Islam dari dalam tanpa disedari. Beliau menjadi Setiusaha Masyarakat Israel Moden selama 30 tahun di Budapest. Mengajar Falsafah agama Yahudi selama 14 tahun (1900-1914) di Jewish Theological Seminary. (Dlm. *Anti Hadith Jarum Yahudi*, Thinker's Library, Selangor, 1996, oleh Hj. Isa Ismail dan Yusof Hj. Wanjor, hal. 2-3)

¹²⁸ Beliau juga berperanan sebagaimana Golziher dan banyak memperkuatkan kenyataan yang dibuat oleh Golziher. Antara karangannya ialah *A Revaluation of Islamic Traditions*.

3. Mereka meragui kesahihan sanad. *Sahifah*, iaitu catatan asal bagi kegunaan peribadi para sahabat kini sudah tiada lagi. Oleh itu, hadith-hadith yang ada sekarang mestilah diragui kerana ianya tidak mengikut *sahifah-sahifah* yang sebenar.¹²⁹
4. Penulisan hadith dalam enam buah kitab sahih tidak ada penyaksian. Mereka sendiri yang berhujah dengan menggunakan hadith sahih. Mereka juga berhujah dengan hadith riwayat Muslim dan Ibnu Hanbal yang menyatakan, Abu Sa'id al-Khudri melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Jangan kamu menulis sesuatu dariku melainkan al-Quran. Barang siapa yang menulisnya hendaklah dipadamkan.*"¹³⁰

2.5. KESIMPULAN

Bibit awal kelemahan "aqidah umat Islam di akhir hayat baginda s.a.w. telah menampakkan tanda keruntuhannya yang kian meruncing di akhir zaman. Peristiwa Riddah dan lahirnya nabi-nabi palsu di zaman Abu Bakar merupakan aspirasi kesesatan di zaman serba moden ini. Umat Islam yang taat pada tuntutan agama dan ibadat sentiasa mencari jalan terbaik untuk mendekatkan diri kepada Allah. Malangnya, ianya telah disalah gunakan oleh sesetengah manusia yang tidak bertanggung jawab dan berhasrat untuk menjatuhkan Islam melaluinya. Ilmu tasawuf serta amalan tariqat telah dipergunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Akhirnya kerohanian Islam telah bercampur aduk dengan berbagai unsur jahat yang merosakkan Islam dari dalam seperti fahaman *Wujudiyah* dan *Batiniyah* yang amat memusuhi Islam. Selain itu, tidak dapat dinafikan

¹²⁹ Panel Penyelidik Hadith Majlis Agama Kelantan, *op.cit*, 1986, hal: 64-74.

¹³⁰ *Ibid*, hal: 64-74.

terdapat pengaruh-pengaruh luar yang mampu menyelewengkan akidah masyarakat Islam seperti ideologi-ideologi ciptaan manusia seperti Sekularisme, Komunisme, Missionarisme dan berbagai lagi gerakan dan aliran jahat yang sentiasa cuba untuk menyesatkan umat Islam. Sistem-sistem pemikiran ciptaan manusia barat ini telah berjaya mengucarkan kacirkan pemikiran umat Islam, tambahan mereka sering ditindas dan tersepit kerana masalah yang lain seperti ekonomi, politik dan sebagainya.

Gerakan-gerakan Yahudi dan Zionis tetap tidak senang hati selagi mana Islam masih menjadi anutan penduduk dunia. Wujudiyah, Batiniyah, Falsafah serta gerakan anti hadith telah berusaha keras untuk menyesatkan manusia keseluruhannya. Mereka menggunakan berbagai-bagai institusi yang amat elok pada kulitnya, tetapi isinya penuh dengan dendam kesumat yang tidak berkesudahan. Sejarah telah membuktikan bahawa mereka terpaksa mengubah berbagai taktik, gaya dan cara agar ianya lebih berkesan dan tidak disedari oleh umat Islam. Perbincangan secara khusus dalam kontek ajaran sesat di Malaysia akan dibincangkan dalam bab seterusnya.